
PENAMBAHBAIKAN SUKATAN PELAJARAN DAN BUKU TEKS SEJARAH SEKOLAH MENENGAH

Lampiran 3

Centre for Policy Initiatives (CPI)

Lampiran 3

Centre for Policy Initiatives

PENAMBAHBAIKAN SUKATAN PELAJARAN DAN BUKU TEKS SEJARAH SEKOLAH MENENGAH

PENGENALAN

Sejarah merupakan sesuatu yang mengenai masa lampau kita. Dengan mempelajari subjek Sejarah kita akan lebih mengenal diri, masyarakat dan negara kita sendiri. Melalui sejarah, kita dapat mempelajari kejayaan masa lampau tentang bangsa dan negara, ini membolehkan kita mengingati kegemilangan masa silam, memupuk semangat patriotisme dan seterusnya membantu kita menghargai dan memelihara kemerdekaan serta kedaulatan negara. Ini dapat dibaca melalui Sukatan Pelajaran Sejarah tahun 2000 yang menyatakan bahawa pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air dan sejarah negara luar yang berkaitan, murid dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Usaha ini bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan negara Malaysia. Pendidikan Sejarah juga dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap peristiwa sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa. (KPM 2001 : 3) . Selain itu, pendidikan sejarah telah dijadikan sebagai salah satu cara yang paling mudah dan terus untuk memupuk penerimaan, kesefahaman dan peringatan kolektif yang sama bagi rakyatnya agar membentuk identiti bangsa negaranya. Di sini buku teks Sejarah telah digunakan sebagai peralatan penting untuk mencapai matlamat pendidikan Sejarah

Secara umumnya, matlamat pendidikan Sejarah yang tersenarai di atas merupakan sesuatu yang lumrah dan dipakai oleh kebanyakan negara. Namun, untuk mencapai matlamat yang tersenarai itu, wajarkah kita mengabaikan prinsip atau pegangan asas dalam penulisan sejarah yang mengutamakan ketepatan dan kebenaran sesuatu fakta

sejarah serta menampilkan pentafsiran sejarah yang objektif dan jujur? Seandainya sesuatu peristiwa sejarah terpesong daripada fakta sebenar kerana ingin mencapai matlamat pendidikan Sejarah yang dipengaruhi oleh unsur politik semasa, maka tindakan sebegini akan membawa kesan buruk kepada pembangunan negara dan manusia pada jangka masa panjang.

Sebenarnya ‘matlamat’ pendidikan Sejarah negara kita tidak menimbulkan masalah yang besar, apa yang dipertikaikan hanya ialah isi kandungan dan semangat yang terkandung dalam sukatan pelajaran dan terutamanya buku-buku teks itu. Masyarakat umum mempersoalkan sukatan pelajaran dan buku teks Sejarah yang dipakai pada masa kini terlalu dikuasai dan dipengaruhi oleh unsur-unsur bukan sejarah sehingga terpesong daripada tujuan dan erti sebenar pendidikan Sejarah. Lantaran itu terwujudnya kelemahan-kelemahan seperti skop isi kandungan yang terlalu sempit dan tidak seimbang, pemilihan isi kandungan sejarah yang berat sebelah serta pemberian tafsiran sejarah yang ‘bias’ yang perlu diperbetulkan segera. Maka, kami cuba mengemukakan beberapa cadangan asas untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut sebelum menajakan sukatan pelajaran yang telah dipertambahbaik. Tidak kurang juga kami membuat penelitian sukatan pelajaran Sejarah beberapa buah negara jiran agar dapat membantu kita menjustifikasikan sukatan pelajaran Sejarah negara kita. Selain itu, kelebihan-kelebihan yang ditunjukkan oleh sukatan pelajaran yang sedia ada itu akan kami senaraikan dan kekalkan. Sebenarnya apa yang paling penting di sini adalah perlunya kita memastikan semangat yang terselit pada sukatan pelajaran dan penulisan buku teks Sejarah itu dapat memenuhi kehendak masyarakat majmuk kita serta berkemampuan melahirkan generasi baru yang berfikiran terbuka, berpandangan jauh dan berkeupayaan bersaing di arena antarabangsa pada zaman global ini. Mengikut pandangan kami, keutamaan kini mesti diberi kepada peningkatan mutu pengajaran dan pembelajaran sejarah, manakala tindakan kerajaan menetapkan Sejarah sebagai subjek yang wajib lulus untuk memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dianggap sebagai satu pelaksanaan yang kurang sesuai dan tidak membantu pemupukan minat pelajar terhadap subjek Sejarah.

KELEMAHAN DALAM SUKATAN PELAJARAN DAN BUKU TEKS SEJARAH

Selepas kajian yang teliti, kami mendapati bahawa terdapat beberapa kelemahan yang menonjol dalam sukatan pelajaran yang digunakan pada masa kini. Secara ringkasnya masalah atau kelemahannya adalah seperti:

- Cakupan atau skop isi kandungannya kurang lengkap di mana isi kandungan tentang sejarah antarabangsa terlalu sedikit, di sebaliknya isi kandungan sejarah tempatan terlalu banyak. Situasi sebegini tidak menyumbang kepada kelahiran generasi baru yang berpandangan global.
- Isi kandungannya terlalu tumpu kepada perbincangan tentang sejarah tamadun Islam, sebaliknya peratusanya tentang tamadun-tamadun dan agama-agama lain terlalu kecil.
- Isi kandungannya terlalu mementingkan penglibatan dan sumbangan sesuatu etnik atau golongan tertentu sahaja, sebaliknya cuba meminimalkan, meminggirkan atau menafikan peranan dan sumbangan yang telah dimainkan oleh etnik-etnik atau golongan-golongan lain. Isi kandungan ini menjadi semakin etnosentrik .
- Terdapat kesilapan-kesilapan dari segi pengemukaan fakta sejarah dan ketidakseimbangan dari segi pemilihan bahan atau isi kandungan sejarah. Ini menimbulkan kesangsian atau keraguan pelbagai pihak terhadap pendirian penulis buku sejarah itu benar-benar mendukung kepada prinsip penulisan disiplin sejarah yang mementingkan ketepatan, kebenaran dan kesaksamaan.
- Terdapat sesetengah penulis menampilkan pentafsiran yang terlalu subjektif atau *bias* dalam buku sejarah mereka. Penulis-penulis tersebut juga gemar menggunakan perkataan-perkataan yang kurang neutral dan menyinggung perasaan sesuatu etnik atau golongan tertentu dalam buku teks Sejarahnya.

Dengan adanya kelemahan-kelemahan tersebut, nampaknya sukar bagi kita mencapai matlamat pendidikan Sejarah seperti yang tersenarai dalam sukatan pelajaran serta seruan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran Abdul Shukur dalam prakata Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah yang menyatakan bahawa mempelajari sejarah bertujuan untuk melahirkan rakyat yang bersatupadu, bekerjasama, berpatriotisme dan berasa bangga sebagai anak Malaysia, serta melahirkan warga dunia yang dapat memupuk kesefahaman dunia(KPM 2001 : v). Di sebaliknya, buku sejarah ini telah menyebabkan kita bimbang akan isi kandungan tersebut akan membawa kesan negatif kepada pertumbuhan intelek, emosi dan mental generasi baru, seterusnya menggagalkan hasrat kerajaan yang menginginkan sekolah kebangsaan sebagai pusat atau *melting pot* untuk perpaduan dan integrasi kaum.

Kelemahan-kelemahan yang terapar dalam sukatan pelajaran dan buku teks sukatan pelajaran itu mungkin berpunca daripada perancangan sukatan pelajaran, penulisan oleh penulis buku Sejarah atau kedua-dua sekali. Pada kebiasaannya, kelemahan yang berpunca daripada sukatan pelajaran lebih berkaitan dengan isi kandungan yang dirancang oleh Kementerian Pelajaran, manakala kelemahan yang berkaitan dengan penulisan buku teks pula berpunca daripada pendirian penulis yang kurang berpegang kepada prinsip-prinsip asas penulisan disiplin sejarah. Maka, ketika menyemak atau menambahbaik sukatan pelajaran dan buku teks Sejarah tersebut, cadangan-cadangan kami perlu menjurus kepada kelemahan-kelemahan yang berpunca daripada kedua-dua segi tersebut.

CADANGAN -CADANGAN

Ketika menyemak dan menambahbaik kurikulum sukatan pelajaran Sejarah, kami memastikan semangat atau nilai yang terselit dalam sukatan pelajaran itu dapat memenuhi kehendak masyarakat majmuk negara kita serta mampu menghadapi cabaran global. Berikut merupakan beberapa cadangan asas daripada pihak kami serta sebab-sebabnya kami membuat cadangan-cadangan tersebut.

1. SKOP ISI KANDUNGAN SEJARAH DUNIA PERLU DIPERLUAS DAN DIPERSEIMBANGKAN

Berkenaan skop isi kandungan, kita mesti membetulkan kelemahan yang terlalu mementingkan tajuk-tajuk tempatan sehingga mengabaikan pendedahan kepada isi kandungan sejarah dunia. Dengan kata lain, kita harus mendedahkan sejarah dunia yang lebih menyeluruh kepada pelajar agar dapat melahirkan generasi baru yang mempunyai pandangan global serta dapat menghadapi persaingan antarabangsa yang semakin mencabar dan sentiasa berubah itu.

Menambahkan Peratusan Isi Kandungan Sejarah Dunia

Sebelum dekad 1970-an, buku Sejarah sekolah menengah negara kita menyampaikan isi kandungan tentang Sejarah tempatan dan luaran dengan kadar yang agak seimbang, misalnya dalam buku teks Sejarah peringkat sekolah menengah rendah terbitan tahun

1969, sebanyak 62 % daripada tajuknya berkaitan dengan Sejarah luar negara dan tajuk sejarah tempatan berjumlah 38%. Kementerian Pelajaran telah menyarankan agar sejarah tempatan dijadikan sebagai isi kandungan tunjang dalam sukatan pelajaran sejak dekad 1970-an dan mulai dekad 1990-an dan seterusnya, isi kandungan sejarah tempatan mencatat 100%, sebaliknya sejarah dunia tidak wujud dalam buku-buku teks lagi. (CMCS & Nanda 2011: 5) Kami berpendapat bahawa tindakan Kementerian Pelajaran yang mengabaikan isi kandungan sejarah dunia dalam sukatan pelajaran peringkat menengah rendah itu kurang wajar, kami bercadang agar memasukkan isi-isi tentang perkembangan tamadun dan kerajaan awal manusia di rantau dunia di peringkat menengah rendah agar pelajar kita mempunyai pengetahuan asas tentang sejarah tamadun awal manusia sebelum mempelajari sejarah tempatan negara kita.

Isi kandungan sejarah di peringkat menengah tinggi turut memaparkan situasi sejarah dunia yang agak terhad dan kurang seimbang. Mengikut data yang kami kumpul, tajuk yang bertemakan tempatan berjumlah 39% dan bertemakan luar negara berjumlah 61% pada buku teks Sejarah terbitan 1969-an dalam kelima-lima tingkatan. Manakala pada buku-buku teks penerbitan tahun 1996 dan 2000-an itu, tajuk bertemakan tempatan telah meningkat hingga berjumlah 85 % dan 82%, sebaliknya tajuk bertemakan luar negara hanya tinggal 15 % dan 18% masing-masing (rujuk Jadual 1). Peratusan yang begitu sedikit ini tidak dapat mendedahkan pelajar kita tentang ilmu pengetahuan sejarah dunia yang lebih lengkap atau menyeluruh. Sarjana Sejarah Wang Lee Lan (2010 : 51) turut berpendapat bahawa isi kandungan yang berkaitan dengan sejarah luar negara telah merosot dengan drastik, iaitu dalam buku teks Sejarah terbitan 1964, bilangan tajuk luar negara mencatat 69%; manakala dalam buku teks Sejarah terbitan 1977-1979, bilangan tajuk luar negara merosot kepada 29% di peringkat sekolah menengah. Maka, kami bercadang untuk menambahkan peratusan isi kandungan sejarah dunia agar dapat meningkatkan penghayatan pelajar tentang sejarah antarabangsa dan hal ehwal semasa yang berlaku di rantau dunia.

Jadual 1 : Perbandingan Antara Tajuk Tempatan dengan Tajuk Luaran dalam Buku Sejarah Sekolah Menengah (5 Tingkatan) terbitan Dekad Yang Berlainan

| Tahun Mula Diterbit | Bilangan Tajuk Tempatan | Peratus % | Bilangan Tajuk Luaran Negara | Peratus % |
|---------------------|-------------------------|-----------|------------------------------|-----------|
| 1969 | 33 | 39% | 39 | 61% |
| 1996 | 39 | 85% | 7 | 15 % |
| 2000 | 42 | 82% | 9 | 18% |

* Sumber : : DBP .1968. Sejarah Menengah Malaysia ; Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah terbitan DBP tahun 1996 (Dipetik dari Wang 2010 : 52 .) ; dan Buku Teks Sejarah Terbitan DBP pada dekad 2000-an.

Memperseimbangkan Isi Kandungan Sejarah Peradaban Dunia

Memandangkan negara kita mengamalkan undang-undang sekular, maka kita harus membetulkan kelemahan membincangkan tamadun Islam dengan terlalu panjang lebar, sebaliknya kita perlu membincangkan tamadun agama-agama lain dengan peratusan yang sesuai kerana negara kita merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama. Dalam buku teks Sejarah tingkatan 4 terbitan 2002 yang berjumlah 10 bab itu telah menggunakan 5 bab (42%) iaitu 115 halaman daripada jumlah 272 halaman untuk membincangkan sejarah tentang kemunculan, perkembangan, kerajaan dan pengaruh tamadun Islam, sebaliknya hanya memperuntukkan satu bab iaitu 29 halaman (11%) untuk membincangkan perubahan masyarakat Eropah, Revolusi Perindustrian dan Ideologi Imperialisme Barat serta sebanyak 58 halaman (21%) untuk perbincangan tentang tamadun-tamadun utama awal manusia (Mesopotamia, Mesir, Indus , Hwang Ho, Yunani, Rom).¹

Kami berpendapat agak tidak logiknya kerana hampir separuh daripada isi kandungannya berkisar tentang sejarah tamadun Islam sedangkan perbincangan tentang kelahiran agama-agama lain (agama Buddha, Hindu, Kritisan, Taoisme dan Confucianisme) hanya dijalankan secara ringkas iaitu sebanyak 3 halaman (1 %) sahaja. Situasi sebegini harus diatasi kerana telah menafikan sumbangan dan pengaruh tamadun-tamadun dan agama-agama lain terhadap pembangunan manusia. Kami bercadang kerajaan memperseimbangkan isi kandungan tentang sejarah peradaban dunia ini agar memberi peluang kepada pelajar kita menerima ilmu pengetahuan tentang sejarah dunia yang

¹ Ini amat berbeza dengan buku teks Sejarah tingkatan 4 terbitan tahun 1991, di mana sejarah tentang perubahan dalam masyarakat Eropah, Revolusi Perindustrian di Barat dan Imperialisme Barat terhadap Timur telah mencakupi hampir separuh (3 bab, 46%) daripada isi kandungan buku itu, manakala, sejarah tentang tamadun Islam dimuat dalam satu bab dengan peratusan 18%. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk CMCS & Nanda 2001 : 11.

menyeluruh dan tidak terkongkong dalam skop yang sempit. Ini turut mengatasi masalah pelajar kita yang mengadu bahawa subjek Sejarah sangat bosan dan jemu.²

Selain itu, kami juga berpendapat skop tempoh penulisan Sejarah kita perlu diperlanjutkan atau diperpanjangkan, ini termasuk tarikh permulaan Sejarah negara kita dan tarikh akhirnya kisah sejarah semasa yang perlu kita rangkungi dalam sukatan pelajaran kita. Pada pandangan kami, peristiwa sejarah yang lebih awal daripada Kesultanan Melaka perlu dipentingkan, ini termasuk sejarah asal usul semua kaum dan penghijrahan terawal mereka serta kerajaan-kerajaan purba Melayu sebelum kesultanan Melaka. Jangan pula kita terkongkong dengan kenyataan bahawa “Sejarah negara kita suka dikaitkan dengan permulaan Kesultanan Melaka dan kerajaan sekarang merupakan warisan kesultanan Melaka. Pelajar di peringkat menengah rendah mempelajari sejarah negara yang mengikut kronologi selama lima ratus tahun.” (KPM 2002a : 3 - 8). Begitu juga tarikh permissahan kisah Sejarah semasa perlu diperlanjutkan hingga ke awal abad ke 21 dan bukannya hanya pada dekad 1960-an.

Tidak kurang juga kami bercadang agar memperbanyak cabang isi kandungan Sejarah, ini termasuk sejarah yang berkaitan agama-agama, tamadun manusia dan sosial budaya yang utama di dunia, pembangunan sains, kelahiran sistem politik yang pelbagai, sejarah semasa dan sebagainya. Isi kandungan yang berlandaskan tema-tema tersebut bukan sahaja dapat mencorakkan masyarakat majmuk yang sedia ada di negara kita, malah dapat melangkaui batasan sempadan negara atau kekangan geografi. Jangan kita terkongkong dengan situasi sejarah kita tertumpu dengan keetnikan dan tempatan sahaja.

2. SKOP ISI KANDUNGAN SEJARAH TEMPATAN

PERLU MEMBAYANGKAN MASYARAKAT MAJMUK NEGARA

Kami berpendapat bahawa sukatan pelajaran dan buku teks Sejarah yang dirancang mesti bersikap adil terhadap semua kaum di negara kita. Kita tidak boleh membiarkan isi

² Penulis pernah menemubual sejumlah pelajar di kelas tingkatan 4 di sebuah sekolah secara tidak formal. Didapati kebanyakan daripada pelajar (berbangsa Cina) berasa jemu atas mata Sejarah lantaran isi kandungan tentang tamadun Islam yang panjang lebar dan sukar untuk menguasainya. Penulis juga pernah menemu bual guru-guru Sejarah Tingkatan 4, kebanyakan mereka berpendapat bahawa bahagian tentang Tamadun Islam patut dikurangkan dan dipermudahkan.

kandungan sejarah kaum minoriti itu dipinggirkan, sebaliknya kita harus membetulkan kelemahan buku teks yang mengabaikan perbincangan isi kandungan kurikulum tentang politik, ekonomi, sosial budaya dan struktur masyarakat Orang Asli, orang Cina, orang India dan kaum-kaum minoriti yang lain.

Memperseimbangkan Isi Kandungan Sejarah Pelbagai Etnik

Sukatan pelajaran Sejarah tahun 2000 menyatakan bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Sejarah perlu menjurus kepada pemupukan semangat patriotik. Perasaan ini perlu wujud di hati setiap individu rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan semangat patriotik dapat membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni. Natijah daripada pemahaman dan penghayatan sejarah negara, para murid dapat membina kekuatan semangat cinta akan negara (KPM 2000 : 2). Namun untuk mencapai matlamat perpaduan dan bersemangat kekitaan dalam sebuah negara yang berpenduduk majmuk seperti Malaysia, prasyaratnya ialah sukatan pelajaran yang disediakan itu harus bersifat adil dan sedia diterima oleh semua etnik. Maka kami bercadang agar bahan sejarah yang berkaitan dengan semua etnik harus disampaikan kepada pelajar, sebaliknya kita tidak patut sengaja meminggirkan penglibatan dan sumbangan golongan tertentu.

Pada buku teks Sejarah menengah rendah terbitan tahun 2002 yang dipakai pada hari ini, peratusan isi kandungan yang berkaitan dengan kaum Melayu berjumlah 80% dan peribumi di Sabah dan Sarawak berjumlah 16%, manakala isi kandungan sejarah yang berkaitan dengan kaum Cina dan India hanya tinggal 3 % dan 1 % . (CMCS & Nanda 2011 : 13). Selain itu, peratusan isi kandungan untuk kaum bukan Melayu turut semakin berkurangan dari semasa ke semasa dan tidak ada sebarang peruntukan isi kandungan tentang orang Asli di Semenanjung Malaysia.³ Lantaran itu, kami bercadang agar kerajaan membetulkan amalan memperuntukkan isi kandungan buku teks Sejarah yang terlalu berorientasikan ‘orang Melayu’ tersebut, sebaliknya peruntukan isi kandungan tersebut harus merefleksikan komposisi masyarakat pelbagai kaum kita.

Merangkungi Isi Kandungan Tentang Agama, Budaya, Adat Resam dan Struktur Masyarakat Semua Kaum

Selain itu, kita bercadang agar memasukkan isi kandungan tentang agama, budaya, adat

³ Misalnya, dalam buku teks Sejarah Tingkatan 2 terbitan tahun 1989, sebanyak 7 halaman (4 %) isi kandungan membincangkan sejarah yang berkaitan dengan kaum Cina, namun, pada buku teks Sejarah terbitan tahun 1996 dan 2003 telah diringkaskan sehingga 5 halaman (3 %) dan 4 halaman (2%). Sila rujuk CMCS & Nanda 2011 : 12-15 untuk maklumat lanjut.

resam dan struktur masyarakat Orang Asli, orang Cina dan orang India dalam buku teks Sejarah, ini kerana buku teks yang sedia ada ini hanya membincangkan budaya, adat resam dan struktur masyarakat orang Melayu dan peribumi di Sabah dan Sarawak. Memandangkan kaum orang asli itu merupakan orang asal di sini dan orang Cina dan orang India pula merupakan etnik kedua dan ketiga besar di Malaysia, maka tidak ada sebabnya buku teks Sejarah itu meminggirkan bahagian yang berkaitan dengan mereka.

Dari segi lain, kita berharap kerajaan jangan terus menghegemonikan penguasaan etnik Melayu dalam isi kandungan Sejarah yang mana pendidikan sejarah dijadikan alat untuk memupuk generasi muda menerima amalan ketuanan Melayu dalam semua lapangan. Kerajaan harus bersikap demokrasi dan mementingkan hak asasi kaum-kaum bukan peribumi dan minoriti. Hanya dengan sikap sedemikian, subjek Sejarah dapat memainkan peranannya sebagai instrumen untuk memupuk perpaduan kaum dan menanam semangat patriotik di kalangan murid (KPM 2002a :14). Pendedahan tentang sejarah budaya, adat resam, kesenian, struktur masyarakat semua kaum, generasi baru kita dapat terhindar daripada bersifat ethnosentrik dan masalah polalikasi kaum negara kita juga dapat dikurangkan.

Merangkungi Sumbangan Semua Golongan Dalam Sukatan Pelajaran

Isi kandungan buku teks dan sukatan pelajaran Sejarah negara kita mempunyai kecacatan kerana tidak merangkungi sumbangan atau peranan yang telah dimainkan oleh semua pihak. Umpamanya, buku Sejarah kita mengagung-agungkan sumbangan pemimpin-pemimpin Perikatan dari UMNO, MCA dan MIC dalam tuntutan kemerdekaan, tetapi telah mengabaikan sumbangan atau peranan yang telah dimainkan oleh golongan-golongan lain yang termasuk gerakan pekerja, pertubuhan masyarakat dan kebudayaan, akhbar pelbagai bahasa, dan tokoh-tokoh politik berharuan kiri dan lain. Lantaran itu, kami bercadang agar golongan-golongan yang telah berkorban untuk memperjuangkan kedaulatan dan kemerdekaan negara ini harus diberi pengiktirafan yang sewajarnya dalam buku teks Sejarah.

Dalam bidang ekonomi, kita juga perlu merangkungi sumbangan semua golongan, umpamanya kita perlu memberi pengiktirafan yang adil terhadap sumbangan yang diberikan oleh Raja Abdullah dan Yap Ah Loy dalam pembangunan Kuala Lumpur.

Sumbangan tokoh-tokoh Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain dalam pembangunan ekonomi dan bandar juga perlu dirangkungi dalam buku teks baru kita, jangan pula hanya mengatakan orang Cina dan orang India sebagai golongan imigran atau dagang yang datang ke bumi Malaysia untuk meragut keuntungan sumber atau mengeksploitasikan kepentingan ekonomi.

Secara rumusnya, kami berpendapat bahawa kerajaan harus memperseimbangkan pemilihan isi kandungan dalam sukatan pelajaran dan buku teks sejarah baru itu supaya generasi baru kita dapat mempelajari sejarah yang dapat merefleksikan fakta sebenar sesebuah masyarakat majmuk. Jangan kita membiarkan situasi ketidakseimbangan ini diteruskan, kerana ia akan menyebabkan golongan yang dipinggirkan itu berasa tidak puas hati serta menyebabkan generasi baru kita terbawa-bawa oleh pendidikan sejarah yang terpengaruh oleh sentiment kepentingan politik semasa. Sebenarnya, cadangan-cadangan kami ini dapat membantu kita mencapai matlamat pendidikan Sejarah yang menyatakan salah satu objektif kurikulum sejarah adalah membolehkan murid menghargai usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan negara (KPM 2000 : 3).

3. PENULIS BUKU TEKS PERLU BERPEGANG KEPADA PRINSIP ASAS DISIPLIN SEJARAH

Ketika menulis buku teks Sejarah, penulis harus bersikap jujur terhadap fakta-fakta sejarah. Kita tidak patut memutarbelitkan fakta sejarah sehingga mengagung-agungkan sumbangan dan pengorbanan sesuatu golongan, sebaliknya sengaja meminggirkan sumbangan dan penglibatan golongan yang lain. Maka kami bercadang agar hanya melantik penulis buku Sejarah yang memiliki tanggungjawab moral yang tinggi atau berpegang kepada prinsip asas penulisan sejarah. Ini dapat menjamin isi kandungan hasil penulisan mereka tidak dipertikaikan ketepatan atau kebenaran⁴ yang akan

⁴ Terdapat fakta-fakta sejarah yang tidak tepat telah dikemukakan dalam buku teks Sejarah terbitan tahun 2003. Misalnya, dalam halaman 130 buku Sejarah tingkatan 3, ketika membincangkan perkara pendidikan negara, penulis menyatakan : Laporan Razak 1956 membenarkan penggunaan bahasa pengantar vernakular selama sepuluh tahun selepas merdeka (Ramlah Adam et al. 2004 : 130) . Sebenarnya, kenyataan ini tidak tepat, kerana tidak ada ayat sebegini dalam Laporan Razak 1956. Begitu juga ketika membincangkan sumbangan Tan Cheng Lock dalam buku Sejarah tingkatan 5 , penulis yang sama juga memberi fakta sejarah yang salah, iaitu beliau menyatakan bahawa : “ Tan Cheng Lock: President Dewan Perniagaan Cina Malaya ; Presiden MCA yang pertama.”(Ramlah Adam et al. 2003 : 120). Sebenarnya, Tan tidak pernah memegang jawatan president dalam Dewan Perniagaan

menyebabkan masyarakat umum hilang kepercayaan terhadap buku teks tersebut.

Kita juga perlu mencegah penulis yang suka menggunakan perkataan-perkataan yang kurang neutral atau menyinggung perasaan sesuatu kaum seperti yang berlaku dalam buku teks Sejarah tingkatan 3 dan 5 di mana penulisnya suka menggunakan perkataan ‘golongan imigran’, ‘golongan dagang’ dan ‘pendatang’ untuk menyebut orang India dan orang Cina serta mengulang-ulangi perkataan-perkataan seperti ‘ketuanan Melayu’ untuk motif khasnya. Usaha kami ini bertujuan untuk mengelakkan subjek Sejarah dijadikan sebagai peralatan untuk mencapai kepentingan politik golongan tertentu tanpa menghiraukan perpaduan masyarakat majmuk kita.

Kami juga bercadang agar melantik penulis yang mempunyai pendirian yang jujur terhadap pentafsiran fakta sejarah. Sikap penulis-penulis buku teks Sejarah tingkatan 3 dan 5 terbitan tahun 2004 dan 2003 yang telah memasukkan terlalu banyak pandangan sendiri atau tafsiran yang *bias*⁵ dalam buku teks penulisan mereka telah menyebabkan banyak pihak mempertikaikan kejujuran dan profesionalisme mereka. Penulisan yang mengagung-agungkan sumbangan atau pengorbanan sesuatu pihak, sebaliknya meminggirkan sumbangan atau pengorbanan golongan lain⁶ bercanggah dengan prinsip

Cina Malaya.

⁵ Sebagai contoh, 1. Ketika membincangkan Rukun Negara dalam perkara “Kesetiaan kepada Raja dan Negara”, penulis memasukkan ayat seperti: “Raja sebagai simbol penyatuan rakyat dan pelindung hak istimewa peribumi.” (Ramlah Adam et al. 2003: 126). Ini telah menjangkai tugas seorang penulis buku Sejarah ketika membincangkan perkara ‘taat setia’ dalam Rukun Negara. 2. Ketika berbincang tentang sistem pendidikan negara, penulis menyatakan: “Eh, Encik Chan, nasib baik kamu masuk sekolah kebangsaan! Dapat kamu berkomunikasi dengan baik. Betullah kata Cik Leela. Tak sia-sia kerajaan membuka sekolah kebangsaan.” (Ramlah Adam et al. 2004: 130). Nampaknya penulis cuba menafikan peranan yang telah dimainkan oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang turut berada dalam sistem pendidikan kebangsaan. 3. Dalam bab 4, buku tingkatan 3 yang bertema “Kerjasama Antara Kaum ke Arah Kemerdekaan”, isi kandungannya harus berkaitan dengan kerjasama pelbagai kaum untuk menjayakan kemerdekaan, namun di bawah tajuk ini tercatat ayat yang dipetik daripada ucapan Tunku Abdul Rahman yang berbunyi: “Negeri ini diterima daripada Melayu, maka patutlah diserahkan balik pada Melayu...” (Ramlah Adam et al. 2004: 119). Ayat ini bercanggah dengan tema yang mengutamakan kerjasama pelbagai kaum. Sila rujuk CMCS & Nanda 2011: 18-19 untuk maklumat lanjut.

⁶ Dalam halaman 100 buku teks tingkatan 3 menyebut tentang pengorbanan dan sumbangan orang Melayu. Ayat itu berbunyi: “Kelonggaran syarat kewargaraan menunjukkan pengorbanan orang Melayu terhadap kaum lain demi mewujudkan perpaduan dan kesejahteraan rakyat.” (Ramlah Adam et al. 2004: 100). Dalam halaman 120 buku Tingkatan 5 pula memuji pengorbanan UMNO demi kesejahteraan negara. Katanya: “Perkara ini (penubuhan CLC) merupakan perubahan terhadap dasar UMNO kerana kesanggupan berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara.” Di sini, penulis cuba mengagung-agungkan pengorbanan kaum Melayu dan UMNO, namun tidak menyentuh langsung pengorbanan kaum-kaum lain, malah cuba menafikan sumbangan kaum-kaum lain, umpamanya, dalam halaman 121, buku Sejarah tingkatan 5, ketika membincangkan sokongan rakyat terhadap parti IMP, penulis menyindir pendirian orang Cina dan India. Kata penulis: “IMP gagal mendapat sambutan daripada kaum Cina, India dan kaum lain di Tanah Melayu. Ini kerana mereka tidak merasa bahawa mereka adalah sebagai satu bangsa Tanah Melayu. Rasa perpaduan terlalu asing bagi mereka.” (Ramlah Adam et al. 2003: 120-121). Rujuk juga CMCS & Nanda 2011.

asas penulisan sejarah dan ini tidak dapat diterima oleh mana-mana pihak.

Secara rumusnya, Kementerian Pelajaran harus bersikap cermat ketika memilih penulis untuk menulis buku teks Sejarah agar tidak menghasilkan buku teks yang mengandungi isi kandungan kurikulum yang menimbulkan pertikaian. Perlantikan ahli akademik sejarah yang mempunyai tanggungjawab moral yang tinggi dan pandangan yang pelbagai ke dalam jawatankuasa perancangan sukatan pelajaran atau sebagai penulis buku Sejarah dapat menghasilkan buku sejarah yang lebih mematuhi kehendak disiplin sejarah. Selain itu, kami bercadang kepada kerajaan agar membenarkan lebih banyak penerbit dan penulis melibatkan diri dalam penghasilan buku teks Sejarah supaya manampilkan ciri-ciri kepelbagaian dan kualiti penulisan buku teks Sejarah. Kita harus menolak amalan kerajaan yang hanya membenarkan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menerbitkan buku teks Sejarah dengan melantik satu pasukan penulis sahaja untuk menulis buku teks tersebut sejak dekad 1980-an.

4. MEMPERTIMBANGAN ATAU MENCONTOHI KELEBIHAN SUKATAN PELAJARAN SEJARAH NEGARA-NEGARA JIRAN

Untuk mengetahui kelebihan dan kelemahan sukatan pelajaran negara kita, wajarnya kita membuat perbandingan antara isi kandungan sukatan pelajaran Sejarah negara kita dengan sukatan pelajaran Sejarah beberapa buah negara jiran kita dan seterusnya mempertimbangkan atau mencontohi kelebihan-kelebihan yang ditunjukkan oleh sukatan pelajaran Sejarah negara-negara jiran tersebut ketika merangka sukatan pelajaran baru kita. Antaranya:

Di negara **Indonesia**, perancangan isi kandungan sejarah dunianya agak sama dengan amalan yang dilakukan oleh negara kita, iaitu pemilihan isi kandungan sejarah dunia berlandaskan syarat samada kisah sejarah tersebut bersesuaian atau berkaitan dengan sejarah negaranya. Walaubangaimanapun, terdapat beberapa perbezaan yang nyata antara isi kandungan sejarah dunianya dengan isi kandungan sejarah dunia negara kita yang boleh kita contohi.⁷

⁷ Untuk mengetahui sukatan pelajaran Sejarah peringkat sekolah menengah negara Indonesia dengan lanjut, sila rujuk : Silabus
Muka Surat 12 / 56

Yang pertama adalah dari segi skopnya, jelasnya skop sejarah dunia negara itu lebih terbuka, luas dan mematuhi prinsip asas penulisan sejarah. Sebagai contoh, ketika membincangkan kehidupan awal masyarakat Indonesia, sukatan pelajarannya turut membuat perbincangan tentang proses migrasi etnik Proto Melayu dan Detro Melayu ke kawasan Asia Tenggara, tetapi sukatan pelajaran Sejarah negara kita telah menafikan fakta-fakta sejarah yang berkaitan dengan migrasi orang Proto Melayu dan Detro Melayu ke Asia Tenggara. Sebenarnya, permulaan sejarah negara kita yang menumpu kepada kesultanan Melaka adalah sesuatu yang boleh dipertikaikan dari segi ketepatan fakta sejarah. Penulisan sebegini seolah-olah menafikan kepentingan dan pengaruh kerajaan-kerajaan purba seperti Kedah Tua, Tanah Merah yang jauh lebih awal daripada kesultanan Melaka itu.

Selain itu, dalam bahagian yang menganalisis sejarah dunia yang mempengaruhi sejarah bangsa Indonesia dari abad ke-18 hingga abad ke-20, sukatan pelajarannya turut membincangkan peristiwa-peristiwa seperti Revolusi Prancis, Revolusi Amerika, dan Revolusi Rusia serta pengaruhnya terhadap perkembangan pergerakan nasional Indonesia. Sukatan pelajaran Sejarah negara kita tidak menyentuh langsung tentang Revolusi Prancis, Revolusi Amerika, dan Revolusi Rusia yang sememangnya merupakan peristiwa sejarah dunia yang amat penting dan membawa pengaruh kuat terhadap pembangunan tamadun moden seluruh dunia.

Sukatan pelajaran Sejarah di Indonesia turut membincangkan pengaruh perkembangan agama dan kebudayaan Hindu-Buddha terhadap masyarakat di pelbagai daerah di Indonesia. Selain itu, sukatan pelajaran Indonesia juga membuat penelitian atas pengaruh agama Islam terhadap kerajaan Islam di Indonesia. Ini menggambarkan isi kandungan dalam sukatan pelajarannya dibahagi dengan agak seimbang dan berlandaskan fakta-fakta sejarah negaranya. Sukatan pelajaran negara Malaysia pula mengabaikan bahagian yang berkaitan dengan perkembangan agama dan kebudayaan Hindu-Buddha terhadap masyarakat kita, terutamanya pada Tingkatan 1 bila kesultanan Melaka dikaji dengan begitu mendalam. Hanya pada Tingkatan 4 barulah buku teks membincangkan pengaruh

Hindu dan Buddha terhadap sistem pemerintahan, kesenian dan kesusasteraan dalam konteks tamadun awal Asia Tenggara yang mana Kerajaan Kedah Tua hanya merupakan sebahagian daripadanya (Nik Hassan Shuhaimi et al. 2002 : 71-97). Dengan kata lain, buku teks Sejarah kita tidak memperuntukkan ruang yang seimbang dan mencukupi untuk perbincangan yang khusus atau lengkap tentang pengaruhnya terhadap masyarakat tempatan kita. Nampaknya sudah tiba masa untuk kita mempertimbangkan kelebihan amalan negara Indonesia dalam perkara tersebut di mana pengaruh perkembangan agama dan kebudayaan Hindu-Buddha terhadap masyarakat kita diteliti dalam konteks sejarah dalaman negara kita iaitu pengaruhnya terhadap Kerajaan-Kerajaan Melayu Tua.

Berkenaan sejarah moden atau semasa, sukatan pelajaran Sejarah Indonesia membuat perbincangan sehingga berakhirnya pemerintah kerajaan Sukarno dan tercetusnya reformasi 1990-an serta perkembangan politik, ekonomi dan perubahan masyarakat di Indonesia pada masa reformasi. Ini menggambarkan penelitian sejarah negaranya cukup terbuka kerana menawarkan perisitwa sejarah yang terbaru untuk perbincangan. Situasi sebegini tidak wujud dalam peruntukan sukatan pelajaran Sejarah negara kita, di mana kita cuba mengelakkan penyampaian peristiwa sejarah yang terbaru kepada generasi baru kita, antaranya Perisitwa 13 May, Operasi Lalang, krisis-krisis Timbalan Perdana Menteri pada akhir dekad 1980-an dan 1990-an dan sebagainya tidak dibincangkan dalam buku Sejarah kita.

Jelasnya, perbezaan yang paling nyata antara sukatan pelajaran Indonesia dengan sukatan pelajaran negara kita adalah dari segi semangat pengendalian isi kandungannya. Sukatan pelajaran Sejarah Indonesia tidak sengaja meminggirkan fakta sejarah tentang asal usul kelahiran kerajaan purbanya dan pengaruh agama-agama Budha dan Hindu terhadap kerajaan purbanya, serta mereka sanggup membuat perbincangan tentang perkembangan politik terbaru negara Indonesia. Ini menunjukkan pengendalian pendidikan Sejarahnya dengan semangat yang lebih terbuka dan mendukung prinsip asas penulisan Sejarah. Maka, apa salahnya jika kita mempertimbangkan atau mencontohi amalan Indonesia ketika merancang sukatan pelajaran Sejarah baru kita.

Di negara **Singapura**, lebih kurang separuh daripada sukatan pelajaran Sejarahnya berkaitan dengan isi kandungan sejarah tempatan dan separuh lagi berkisar tentang

sejarah luar negara di peringkat menengah rendahnya. Sebagai contoh, dalam buku teks Tingkatan satu yang bertema “ Negara Purba India, Asia Tenggara Dan China : Hubungan Pada Zaman Dahulu ”, telah menyampaikan isi kandungannya tentang tamadun purba India dan China serta kerajaan maritim di Asia Tenggara; bentuk-bentuk kerajaan dan struktur masyarakat negara India, China dan Asia Tenggara; pengaruh agama Hindu, Buddha, Islam dan fahaman lain terhadap perkembangan tamadun manusia; sejarah perdagangan dan hubungan luar antara negara-negara Asia Tenggara dengan India dan China serta pelbagai bentuk ancaman dan respon negara-negara purba tersebut. Isi-isi kandungan dalam buku tingkatan satu ini tidak terhad kepada negara Singapura, sebaliknya tertumpu kepada sejarah asal atau negara asal penduduk pelbagai etnik negara itu. Walaubagaimanapun, buku teks Sejarahnya di tingkatan 2 hanya tumpu kepada perbincangan tentang sejarah tempatan Singapura.⁸ Di peringkat menengah atas, subjek Sejarah dijadikan sebagai salah satu subjek elektif. Tema isi kandungannya yang bertajuk “ Sejarah Dunia Moden Pada Abab ke 20” menyampaikan isi-isi tentang Perang Dunia Pertama dan Kedua, pembentukan Pertubuhan Antarabangsa, Perang Dingin, kerobohan Soviet Union dan sebagainya.

Jelasnya, kebanyakan (lebih 70%) isi kandungan buku teks Sejarah peringkat sekolah menengah di Singapura berkaitan dengan sejarah luar negara. Di peringkat sekolah menengah rendah, pelajar didedahkan dengan pengetahuan tentang sejarah tamadun purba India, China dan Asia Tenggara, ini berbeza dengan buku teks Sejarah negara kita yang hanya tumpu kepada kisah sejarah di bumi Malaysia. Kami bercadang agar kerajaan kita mencontohi amalan negara Singapura supaya pelajar kita juga dapat memahami asal usul kelahiran tamadun manusia secara sejagat serta mempelajari sejarah dunia moden dengan lebih lengkap di peringkat menengah tinggi yang dapat meningkatkan keupayaan pelajar kita bersaing di arena antarabangsa.

Di Negara **Brunei**, para penuntutnya mempelajari isi kandungan tentang Sejarah Brunei, Negara-negara di Asia Tenggara dan Komenwel, Negara China, India, Jepun, Sejarah Eropah, Sejarah Ekonomi, Sejarah Islam dan Sejarah Dunia juga. (*The Brunei Times*, 26 Jun 2010). Walaupun dikatakan pemilihan bahagian atau topik tertakluk kepada

⁸ Sila rujuk : Ministry of Education, Singapore, History Syllabus, Lower Secondary, Secondary 1 to 2, dari <http://www.moe.gov.sg/education/syllabuses/humanities/files/history-lower-secondary-2006.pdf>, dan CMCS & Nanda 2011 : 8-9 .

ketentuan sukatan pelajaran dan tenaga di sesebuah institusi pendidikan, namun, kurikulum sejarahnya jauh lebih terbuka dan tidak terhad kepada peristiwa dalaman negaranya patut kita contohi.

Di Negara **China**, kurikulum Sejarah di peringkat sekolah menengah yang berjumlah 6 tahun itu terbahagi kepada 6 tema, iaitu 3 tema berkaitan dengan sejarah tempatannya dan 3 lagi berkisar tentang sejarah dunia. Ini termasuk sejarah dunia purba, moden dan semasa.⁹ Di sana sejarah dunia telah merangkungi separuh daripada isi kandungan sukatan pelajarannya dan ini menunjukkan bahawa negara itu sedar akan keperluan untuk menyampaikan ilmu sejarah dunia kepada pelajarannya. Amalan memperuntukkan separuh daripada isi kandungan tentang sejarah dunia perlu dirujuk ketika kita merancang sukatan pelajaran baru kita.

Di negara **Australia**, pelajar sekolah rendah telah mula mempelajari sejarah tempatannya. Di peringkat sekolah menengah, pelajarannya didedahkan dengan ilmu sejarah dunia. Ini termasuk mempelajari sejarah dunia purba seperti negara Mesir, Mesopotamia, Persia, Greece, Rom, India dan China pada tahun pertama. Pada tahun kedua pelajarannya mempelajari sejarah dunia moden seperti kerajaan Anglo-Saxon, Empayar Ottoman, Empayar Khmer di Asia Tenggara, Mongol, Dinasti Yuan dan Ming di China, Shogunate Jepun, Eropah pada Zaman Pertengahan dan lain. Pada tahun ke 3, pelajarannya pula mempelajari sejarah moden yang berkisar tentang Revolusi Perindustrian, Pergerakan Rakyat, Perang Dunia Pertama dan tuntutan kemerdekaan negara-negara Asia dan Australia. Akhirnya, pada tahun ke 4, pelajarannya mempelajari peristiwa sejarah semasa yang termasuk Perang Dunia Kedua, perkara imigrasi, Gerakan Kebebasan Pemikiran, Gerakan Mencintai Alam dan Melindungi budaya asal serta perkara globalisasi.¹⁰ Memandangkan Kementerian Pendidikan kita juga akan memperkenalkan subjek Sejarah di sekolah rendah, maka mungkin kita boleh mencontohi amalan negara Australia iaitu di peringkat sekolah rendah kita mengutamakan sejarah tempatan, manakala di peringkat sekolah menengah pula kita mengutamakan sejarah dunia.

⁹ Sila rujuk : www.being.org.cn/ncs/his/his03.htm, <http://www.ls11.com/Article/lsjy/kbxx/200804/15610.html>, http://www.lsfyw.net/article/html/67847_4.html dan CMCS & Nanda 2011 : 9 .

¹⁰ Sila rujuk : <http://www.australiancurriculum.edu.au/History/Curriculum/F-10> dan perbincangan dalam CMCS & Nanda 2011: 9-10.

Daripada perbincangan atas, jelasnya negara kita telah memperuntukkan peratusan sejarah dunia yang jauh lebih rendah daripada negara-negara jiran kita di peringkat sekolah menengah. Bukankah sudah tiba masanya kita mengikut jejak atau mencontohi negara-negara jiran kita dengan menambahkan isi kandungan tentang sejarah dunia serta menawarkan skop yang lebih luas dan terbuka kepada pelajar supaya generasi baru kita dilengkapi ilmu pengetahuan sejarah dunia yang lebih menyeluruh dan terbuka. Ini memenuhi matlamat sukatan pelajaran Sejarah kita yang berbunyi “ rakyat Malaysia perlu mempunyai pengetahuan tentang sejarah dunia luar supaya berkemampuan untuk bersaing dengan mereka. Persaingan tidak dapat dielakkan dalam dunia globalisasi kerana kuasa politik dan ekonomi dikawal oleh masyarakat yang berilmu dan bermaklumat. Maka adalah penting pendidikan Sejarah memperkenalkan para murid kepada dunia luar menerusi kurikulum futuris (KPM 2000 : 2).”

Secara kesimpulannya, kami berpendapat bahawa keempat-empat cadangan yang dikemukakan di atas itu adalah berasas dan munasabah serta dapat membawa faedah yang menonjol kepada generasi baru, ini termasuk membolehkan generasi muda terdedah dengan ilmu sejarah yang berfakta tepat dan benar, pentafsiran yang rasional, isi kandungan sukatan pelajaran yang lebih seimbang dari segi penglibatan semua etnik dan golongan, serta skop sejarah dunia yang lebih luas dan menyeluruh. Ini akan dapat melahirkan generasi muda yang berfikiran secara terbuka, kritis, kreatif, tidak bersifat etnosentrik serta sanggup menghadapi cabaran global. Kesemua ini menjayakan peranan pendidikan Sejarah sebagai instrumen untuk memajukan rakyat serta menyatupadukan masyarakat majmuk kita ini.

PENGGUBALAN SUKATAN PELAJARAN BARU DAN RASIONALNYA

Dalam penggubalan sukatan pelajaran baru ini, kami cuba mengelakkan diri daripada menghasilkan sukatan pelajaran yang berbeza besar dengan sukatan pelajaran yang sedia ada. Antaranya, kami cuba mengekalkan tema atau tajuk yang sedia ada itu, apa yang kami cuba lakukan adalah berusaha menambahbaikkan sukatan pelajaran yang sedia ada itu. Oleh itu, sesetengah isi kandungan tambahan yang kami fikir sesuai akan diselit dalam sukatan pelajaran yang sedia ada itu dengan tulisan yang lebih gelap (**bold**), manakala bagi isi kandungan yang terlalu panjang lebar atau kurang sesuai dalam sukatan

pelajaran yang sedia ada itu, kami cuba meringkaskan atau mengubahsuaikannya. Untuk memudahkan perbincangan, kami memaparkan sukatan pelajaran baru kami mengikut tingkatan dan berlandaskan tajuk tema (12 tema) yang sama. Kami juga akan memberikan sebab-sebab atau rasionalnya kami menambahkan atau mengubahsuaikan isi kandungan kurikulum tersebut dalam perbincangan kami.

TINGKATAN 1

Sukatan pelajaran tahun 2000 menyatakan bahawa pada peringkat Sekolah Menengah Rendah, kandungan kurikulum berfokus pada pemahaman yang menyeluruh dan memberi gambaran jelas tentang sejarah negara. Justeru, kandungan kurikulum Sejarah lebih berbentuk rentetan peristiwa yang membincangkan tentang aspek kehidupan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial. (KPM 2000 : 1). Pada pandangan kami, walaupun kurikulum pada peringkat menengah rendah perlu mementingkan peristiwa dalaman atau sejarah tempatan, tetapi sejarah luar negara yang bersesuaian seperti sejarah tentang zaman prasejarah dunia, pembentukan tamadun awal manusia (Tamadun Mesopotamia, Mesir Purba, Indus dan Hwang Ho), dan kelahiran agama-agama utama di dunia perlu didedahkan kepada pelajar Tingkatan Satu sebagai pengetahuan asas mereka sebelum mereka meneruskan pembelajaran mereka tentang sejarah dalaman negara. Sebelum ini, dalam buku teks Sejarah tingkatan 1 terbitan tahun 1969 dan 1977 pernah memperuntuk 21 halaman dan 16 halaman untuk membincang isi kandungan tentang kelahiran agama Hindu, Buddha, Confucianisme, Islam dan Kristian (DBP 1969 : 95-116 ; M Tambirajah 1977 : 142-158). Namun, dalam buku terbitan tahun 1989, 1996 dan 2004, kisah sejarah agama-agama selain Islam tidak dibincangkan lagi.

Usaha sebegini dapat memenuhi kehendak sukatan pelajaran yang menyatakan bahawa sejarah negara luar yang mempunyai kaitan dengan sejarah negara kita dimasukkan dalam sukatan pelajaran supaya murid dapat memahami hubungannya dan kaitannya dengan sejarah Malaysia (KPM 2000 : 4). Oleh itu, ketika kita memperkenalkan kerajaan awal di Asia Tenggara, kita perlu mengkaitkan hubungannya dengan kerajaan purba negara China dan India serta pengaruhnya daripada agama Hindu, Buddha dan Confucianisme dengan ruang yang sesuai agar memberi pengetahuan asas tentang ilmu itu kepada pelajar Tingkatan Satu. Selain itu, kedudukan strategi negara kita telah menjadikan negara kita sebagai tempat persinggahan atau laluan pedagang Timur dan Barat, maka kita perlu menambahkan bab atau bahagian untuk membincangkan hubungan luar, perdagangan, interaksi budaya antara kerajaan-kerajaan purba Melayu dengan negara China, India, Jawa, Timur Tengah dan sebagainya dalam sukatan pelajaran Tingkatan Satu.

Penelitian tentang sejarah berasal penduduk pelbagai kaum Malaysia dan proses penghijrahan awal (termasuk kaum orang asli, Melayu, Cina, India, Dusun, Dayak dan lain) perlu dijalankan agar generasi baru kita tahu tentang asal usul dan tempat terawal nenek moyang kita tinggal. Ini dapat dilihat melalui buku teks Sejarah Tingkatan 1 terbitan 1969 yang mana kerajaan purba di Tanah Melayu, sejarah tentang negara asal kaum Cina dan India dibincangkan dengan kadar yang sederhana, antaranya termasuk sejarah tentang Empayar Maurya, Gurpa di India dan Dinasti Shang, Chou, Chin, Han, Tang, Sung di Negera China. Namun, sejak sukatan pelajaran digubal pada 1978, perbincangan tentang sejarah negara asal kaum India dan Cina tidak muncul lagi. Penelitian tentang sejarah barasal penduduk pelbagai kaum dapat mengelakkan turutan atau kesinambungan sejarah asal usul kaum kita itu terputus atau berbentuk tergantung.

Sememangnya titik sejarah sebelum Kesultanan Melaka harus diberi perhatian yang sama. Sebagai bukti, sekumpulan pakar arkeologi dari Universiti Sains Malaysia telah menunjukkan bahawa Kedah Tua merupakan kerajaan purba yang jauh lebih awal daripada kerajaan Melaka. Maka, sejarah tentang Kedah Tua tersebut harus dibincang dengan telitinya. Dari segi lain, kita perlu membincangkan sejarah penghijrahan kaum Cina, India dan peribumi-peribumi lain yang berhijrah ke bumi Malaysia pada zaman purba (sebelum dan semasa Kesultanan Melaka) yang menyebabkan terwujudnya masyarakat majmuk pada masa itu. Ciri-ciri petempatan-petempatan awal dan struktur masyarakat pada masa itu perlu disentuh juga.

Ketika membincangkan sejarah tentang masyarakat, agama, peradaban, sosial budaya kaum Melayu dan peribumi di buku teks tingkatan satu, jangan pula tinggalkan perkara-perkara yang sama bagi Orang Asli, Orang Cina, Orang India dan kaum minoriti yang lain pada zaman sebelum abad ke-19 di bumi Malaysia. Kita harus membetulkan penyelewengan yang dilakukan dalam buku teks Sejarah tingkatan 1 terbitan tahun 2004 yang telah memperuntuk 4 bab untuk membincangkan isi kandungan yang berkaitan dengan adat resam, budaya, kesenian, struktur masyarakat dan aktiviti ekonomi orang Melayu dan peribumi di Sabah dan Sarawak (Ahmad Fawzi et al. 2002), tetapi tidak menyentuh langsung perkara-perkara yang sama itu bagi orang asli, orang Cina dan orang India. Hanya dengan perbincangan yang menyeluruh yang merangkungi kisah sejarah semua kaum, pendidikan sejarah kita ini menjadi lebih bermakna, adil dan dapat

memupuk persefahaman antara generasi muda pelbagai kaum kita. Sila rujuk jadual di bawah untuk meneliti cadangan-cadangan baru (ayat yang digelapkan atau **bold**) yang kami kemukakan.

CADANGAN HURAIAN SUKATAN PELAJARAN SEJARAH TINGKATAN 1

| TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) | TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) |
|--|---|
| <p>SEJARAH DAN KITA</p> <p>a. Kemahiran Sejarah</p> <p>i. Definasi Sejarah</p> <p>ii. Ciri-ciri Sejarah</p> <p>iii. Sumber Sejarah</p> <p>iv. Kaedah Pengajian Sejarah</p> <p>b. Kepentingan Sejarah</p> <p>i. Tujuan</p> <p>ii. Faedah</p> <p>TEMA 1 : ZAMAN PRASEJARAH DAN KEAGUNGAN KESULTANAN MELAYU</p> <p>1.1 Zaman Prasejarah dan Pembentukan Tamadun Terawal Manusia</p> <p>a. Paleolitik</p> <p>b. Mesolitik</p> <p>c. Neolitik</p> <p>d. Zaman Logam</p> <p>e. Pembentukan Tamadun Terawal Manusia</p> <p>- Tamadun Mesopotamia</p> <p>- Tamadun Mesir Purba</p> <p>- Tamadun Indus</p> <p>- Tamadun Hwang Ho</p> <p>f. Kemunculan agama-agama dan ajaran utama di Dunia (Agama Islam, Buddha, Krisitian, Hindu, Confucianisme).</p> <p>1.2. Kerajaan Awal di Asia Tenggara dan pengaruh Agama Hindu, Buddha dan Confucianisme dalam Kerajaan Awal</p> <p>a. Kerajaan agraria dan kerajaan maritim</p> | <p>TEMA 2 : KESULTANAN MELAYU MELAKA MELAYU MENJADI ASAS KERAJAAN KINI</p> <p>2.1 Johor menengakkan semula kewibaaan Kesultanan Melayu Melaka</p> <p>a. Pengasasan kerajaan Johor</p> <p>i. Penerusan waris Kesultanan Meayu Johor</p> <p>ii. Kebangkitan Aceh</p> <p>iii. Persaingan Johor dengan Aceh dan Portugis</p> <p>b. Kegemilangan Kerajaan Johor</p> <p>i. Pusat perdagangan</p> <p>ii. Perkembangan persuratan Melayu</p> <p>c. Kemerostan Kerajaan Johor</p> <p>i. Perebutan kuasa</p> <p>ii. Penglibatan Bugis dalam pemerintahan Johor</p> <p>iii. Pengaruh Syarikat Hinda Timur Belanda</p> <p>2.2. Latar Belakang pembentukan kerajaan- kerajaan Melayu</p> <p>a. Kerajaan-kerajaan Melayu yang tua</p> <p>i. Kedah</p> <p>ii. Pahang</p> <p>iii. Perak</p> <p>b. Kerajaan-kerajaan Melayu yang baru</p> <p>i. Terengganu</p> |

| | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">- takrif- ciri-ciri- perkembangan <p>b. Sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan awal serta pengaruh Agama Hindu, Buddha dan Confucianisme Terhadapnya</p> <p>* Hubungan luar, perdagangan, interaksi budaya antara kerajaan awal dengan China, India dan Arab.</p> <p>* Sejarah Berasal, Proses Penghijrahan dan Petempatan Awal Penduduk di Bumi Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none">a. Orang Asli di Semenanjungb. Orang Melayuc. Orang Cinad. Orang Indiae. Orang Dusun-Ibanf. Orang Dayak-Kadazang. Kaum-kaum minoriti yang lain <p>1.3 Zaman Kesultanan Melayu Melaka</p> <ul style="list-style-type: none">a. Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka<ul style="list-style-type: none">i. Kedatangan Parameswaraii. Asal usul Melakaiii. Parameswara membina Melakab. Kegemilangan Melaka<ul style="list-style-type: none">i. Sistem pentadbiran<ul style="list-style-type: none">- Sistem Pembesar Empat Lipatanii Pusat perdagangan<ul style="list-style-type: none">- faktor geografi- faktor di Melaka- pentadbiran- kemudahan pelaburan- cukai perdagangan- mata wang- bahasaiii. Hubungan luar | <ul style="list-style-type: none">ii. Kelantaniii. Selangoriv. Negeri Sembilan <p>2.3. Warisan Kesultanan Melayu</p> <ul style="list-style-type: none">a. Sistem pemerintahan dan pentadbiran<ul style="list-style-type: none">i. Negeri-negeri Melayuii. Negeri Sembilanb. Sistem Perundangan<ul style="list-style-type: none">i. Undang-undang Tidak Bertulisii. Adat Temenggungiii. Adat Perpatihiv. Undang-undang bertulisc. Kegiatan ekonomi<ul style="list-style-type: none">i. Sara diri<ul style="list-style-type: none">- Bercucuk tanam- Menangkap ikan- Mengumpul hasil hutan- Perlombongan- Kraftanganii. Percukaianiii. Perdaganganiv. Mata wangv. Timbangan dan sukatanvi. Pengangkutand. Sosial budaya<ul style="list-style-type: none">i. Struktur masyarakat Melayu tradisional<ul style="list-style-type: none">- susun lapis masyarakat dan fungsinyaii. Gaya hidup golongan bangsawan dan golongan rakyat.iii. Kegiatan sosiobudayaan masyarakat Melayu tradisional<ul style="list-style-type: none">- Kegiatan masa lapang- Karya persuratan- Kesenian rakyat- Adat resam- Pendidikan <p>* Warisan Masyarakat Majmuk (Masyarakat orang Asli, Cina, India,</p> |
|---|--|

| | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> - Hubungan Melaka dengan kerajaan Melayu yang lain.(Hubungan dengan Pasai,Jawa, Siak dan Kampar) - Hubungan Melaka dengan negara luar (Hubungan dengan China, Gujerat, Siam, Tanah Arab dan Ryukyu) <p>* Keadaan Masyarakat di Melaka</p> <p>iv. Penyebaran Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perkembangan Islam - Melaka sebagai pusat penyebaran Islam - Cara Melaka menyebarkan Islam ke Negara lain di Asia Tenggara <p>v. pusat kegiatan intelektual</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peranan istana sebagai pusat kegiatan intelektual - Peranan pemerintah <p>vi. Perluasan kuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cara perluasan kuasa - Peranan pemimpin - Kesan perluasan kuasa <p>c. Kemerostan Melaka</p> <p>i. Kepimpinan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemimpinan yang tidak jelas dalam angkatan tentera - Tidak memunyai 'command words' yang berstruktur dan teratur dalam tentera - Pasukan tentera yang tidak berstruktur seperti : tentera bergajah, tentera pemamah dan tentera berkuda. <p>ii. Pentadbiran</p> <p>iii. Perpaduan</p> <p>iv. Peralatan perang</p> <p>v. Kedatangan Portugis</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sebab Kedatangan - Serangan ke atas Melaka | <p>Peranakan)</p> <p>a. Keadaan Masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Struktur Masyarakat - Petempatan awal <p>b. Kegiatan Sosial Budaya</p> <ul style="list-style-type: none"> - Agama dan adat resam - Sistem perundangan dan peraturan - Kebudayaan dan perayaan - Pendidikan dan aktiviti sosial <p>c. Kegiatan Ekonomi</p> <p>2.4 Sarawak dan Sabah</p> <p>a. Latar belakang sejarah Sarawak dan Sabah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pertanian Sarawak dan Sabah dengan Kesultanan Brunei dan Kedultanan Sulu <p>b. Keadaan masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan etnik dan petempatan <p>c. Kegiatan sosiobudaya</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cara hidup dan budaya (pendidikan, peraturan,kesenian, adapt resam, agama dan kepercayaan) <p>d. Kegiatan ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sara diri - Perlombongan - Perdagangan - Sistem pertukaran barang - Eksport seperti sagu, sarang burung, dan timun laut. |
| <p style="text-align: center;">TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang)</p> | <p style="text-align: center;">TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang)</p> |
| <p>SEJARAH DAN KITA</p> <p>a. Kemahiran Sejarah</p> | <p>TEMA 2 : KESULTANAN MELAYU MELAKA MELAYU MENJADI ASAS</p> |

| | |
|---|--|
| <p>v. Definasi Sejarah vi. Ciri-ciri Sejarah vii. Sumber Sejarah viii. Kaedah Pengajian Sejarah</p> <p>b. Kepentingan Sejarah i. Tujuan ii. Faedah</p> <p>TEMA 1 : ZAMAN PRASEJARAH DAN KEAGUNGAN KESULTANAN MELAYU</p> <p>1.1 Zaman Prasejarah dan Pembentukan Tamadun Terawal Manusia</p> <p>a. Paleolitik b. Mesolitik c. Neolitik d. Zaman Logam</p> <p>e. Pembentukan Tamadun Terawal Manusia - Tamadun Mesopotamia - Tamadun Mesir Purba - Tamadun Indus - Tamadun Hwang Ho</p> <p>f. Kemunculan agama-agama dan ajaran utama di Dunia (Agama Islam, Buddha, Krisitian, Hindu, Confucianisme).</p> <p>1.2. Kerajaan Awal di Asia Tenggara dan pengaruh Agama Hindu, Buddha dan Confucianisme dalam Kerajaan Awal</p> <p>a. Kerajaan agraria dan kerajaan maritim - takrif - ciri-ciri - perkembangan</p> <p>b. Sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan awal serta pengaruh Agama Hindu, Buddha dan Confucianisme Terhadapnya</p> | <p style="text-align: center;">KERAJAAN KINI</p> <p>2.1 Johor menengakkan semula kewibaaan Kesultanan Melayu Melaka</p> <p>a. Pengasasan kerajaan Johor</p> <p>i. Penerusan waris Kesultanan Meayu Johor ii. Kebangkitan Aceh iii. Persaingan Johor dengan Aceh dan Portugis</p> <p>b. Kegemilangan Kerajaan Johor</p> <p>i. Pusat perdagangan ii. Perkembangan persuratan Melayu</p> <p>c. Kemerostan Kerajaan Johor</p> <p>i. Perebutan kuasa ii. Penglibatan Bugis dalam pemerintahan Johor iii. Pengaruh Syarikat Hinda Timur Belanda</p> <p>2.2. Latar Belakang pembentukan kerajaan- kerajaan Melayu</p> <p>a. Kerajaan-kerajaan Melayu yang tua</p> <p>i. Kedah ii. Pahang iii. Perak</p> <p>b. Kerajaan-kerajaan Melayu yang baru</p> <p>i. Terengganu ii. Kelantan iii. Selangor iv. Negeri Sembilan</p> <p>2.3. Warisan Kesultanan Melayu</p> <p>a. Sistem pemerintahan dan pentadbiran</p> |
|---|--|

| | |
|---|---|
| <p>* Hubungan luar, perdagangan, interaksi budaya antara kerajaan awal dengan China, India dan Arab.</p> <p>* Sejarah Berasal, Proses Penghijrahan dan Petempatan Awal Penduduk di Bumi Malaysia</p> <p>h. Orang Asli di Semenanjung</p> <p>i. Orang Melayu</p> <p>j. Orang Cina</p> <p>k. Orang India</p> <p>l. Orang Dusun-Iban</p> <p>m. Orang Dayak-Kadazan</p> <p>n. Kaum-kaum minoriti yang lain</p> <p>1.3 Zaman Kesultanan Melayu Melaka</p> <p>a. Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka</p> <p>i. Kedatangan Parameswara</p> <p>ii. Asal usul Melaka</p> <p>iii. Parameswara membina Melaka</p> <p>b. Kegemilangan Melaka</p> <p>i. Sistem pentadbiran</p> <p>- Sistem Pembesar Empat Lipatan</p> <p>ii Pusat perdagangan</p> <p>- faktor geografi</p> <p>- faktor di Melaka</p> <p>- pentadbiran</p> <p>- kemudahan pelaburan</p> <p>- cukai perdagangan</p> <p>- mata wang</p> <p>- bahasa</p> <p>iii. Hubungan luar</p> <p>- Hubungan Melaka dengan kerajaan Melayu yang lain.(Hubungan dengan Pasai,Jawa, Siak dan Kampar)</p> <p>- Hubungan Melaka dengan negara luar (Hubungan dengan China, Gujerat, Siam, Tanah Arab dan Ryukyu)</p> <p>* Keadaan Masyarakat di Melaka</p> | <p>i. Negeri-negeri Melayu</p> <p>ii. Negeri Sembilan</p> <p>b. Sistem Perundangan</p> <p>i. Undang-undang Tidak Bertulis</p> <p>ii. Adat Temenggung</p> <p>iii. Adat Perpatih</p> <p>iv. Undang-undang bertulis</p> <p>c. Kegiatan ekonomi</p> <p>i. Sara diri</p> <p>- Bercucuk tanam</p> <p>- Menangkap ikan</p> <p>- Mengumpul hasil hutan</p> <p>- Perlombongan</p> <p>- Kraftangan</p> <p>ii. Percukaian</p> <p>iii. Perdagangan</p> <p>iv. Mata wang</p> <p>v. Timbangan dan sukatan</p> <p>vi. Pengangkutan</p> <p>d. Sosial budaya</p> <p>i. Struktur masyarakat Melayu tradisional</p> <p>- susun lapis masyarakat dan fungsinya</p> <p>iii. Gaya hidup golongan bangsawan dan golongan rakyat.</p> <p>iii. Kegiatan sosiobudayaan masyarakat Melayu tradisional</p> <p>- Kegiatan masa lapang</p> <p>- Karya persuratan</p> <p>- Kesenian rakyat</p> <p>- Adat resam</p> <p>- Pendidikan</p> <p>* Warisan Masyarakat Majmuk (Masyarakat orang Asli, Cina, India, Peranakan)</p> <p>a. Keadaan Masyarakat</p> <p>- Struktur Masyarakat</p> <p>- Petempatan awal</p> <p>b. Kegiatan Sosial Budaya</p> <p>- Agama dan adat resam</p> <p>- Sistem perundangan dan</p> |
|---|---|

| | |
|---|--|
| <p>iv. Penyebaran Islam</p> <ul style="list-style-type: none">- Perkembangan Islam- Melaka sebagai pusat penyebaran Islam- Cara Melaka menyebarkan Islam ke Negara lain di Asia Tenggara <p>v. pusat kegiatan intelektual</p> <ul style="list-style-type: none">- Peranan istana sebagai pusat kegiatan intelektual- Peranan pemerintah <p>vi. Perluasan kuasa</p> <ul style="list-style-type: none">- Cara perluasan kuasa- Peranan pemimpin- Kesan perluasan kuasa <p>c. Kemerostan Melaka</p> <p>i. Kepimpinan</p> <ul style="list-style-type: none">- Pemimpinan yang tidak jelas dalam angkatan tentera- Tidak memunyai 'command words' yang berstruktur dan teratur dalam tentera- Pasukan tentera yang tidak berstruktur seperti : tentera bergajah, tentera pemamah dan tentera berkuda. <p>ii. Pentadbiran</p> <p>iii. Perpaduan</p> <p>iv. Peralatan perang</p> <p>v. Kedatangan Portugis</p> <ul style="list-style-type: none">- Sebab Kedatangan- Serangan ke atas Melaka | <p>peraturan</p> <ul style="list-style-type: none">- Kebudayaan dan perayaan- Pendidikan dan aktiviti sosial <p>c. Kegiatan Ekonomi</p> <p>2.4 Sarawak dan Sabah</p> <p>a. Latar belakang sejarah Sarawak dan Sabah</p> <ul style="list-style-type: none">- Pertanian Sarawak dan Sabah dengan Kesultanan Brunei dan Kedultanan Sulu <p>b. Keadaan masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none">- Kumpulan etnik dan petempatan <p>c. Kegiatan sosiobudaya</p> <ul style="list-style-type: none">- Cara hidup dan budaya (pendidikan, peraturan,kesenian, adapt resam, agama dan kepercayaan) <p>d. Kegiatan ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none">- Sara diri- Perlombongan- Perdagangan- Sistem pertukaran barang- Eksport seperti sagu, sarang burung, dan timun laut. |
|---|--|

TINGKATAN 2

Dalam sukatan pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 2, terdapat beberapa isi yang perlu ditambah. Antaranya, sebelum membincangkan penjajahan British ke bumi Malaysia, perlunya kita memperkenalkan Revolusi Perindustrian, Zaman Penerokaan dan Penjelajahan yang berlaku di Eropah secara ringkas agar pelajar faham akan sebabnya orang Eropah datang ke Timur.¹¹ Selain itu, ketika membincangkan pembangunan

¹¹ Dalam buku Sejarah Tingkatan 2 yang sedang digunakan hanya menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan British campur tangan di Negeri-negeri Melayu (Masariah Mispari et al. 2003 : 29-32).Maka latar belakang yang lebih

ekonomi kerajaan kolonial di negara kita, perlu juga untuk kita membincangkan sumbangan pelbagai kaum dalam bidang ekonomi negara pada zaman penjajahan. Di sini perbincangan tentang kemunculan dan pembangunan bandar-bandar perlu disertai dengan sumbangan tokoh-tokoh (misalnya Long Jaafar, Loke Yew, Yap Kuan Sing, Yao Tek Sing Tan Ki Hein dan lain) agar generasi muda kita tahu menghargai sumbangan tokoh-tokoh sejarah tersebut. Misalnya, peranan yang telah dimainkan oleh Yap Ah Loy dan Raja Abdullah dalam pembangunan Kuala Lumpur perlu dibincangkan, jangan pula mengabaikan sumbangan Yap Ah Loy seperti dalam buku teks terbitan tahun 1996 serta hanya memberikan status isi sampingan kepada Yap dalam bahagian pembangunan Kuala Lumpur dalam buku teks terbitan tahun 2004.¹²

Selain itu, kita perlu menambahkan bahagian untuk membincangkan sejarah penghijrahan pelbagai kaum ke bumi Malaysia khususnya pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, ini memandangkan masyarakat majmuk kita yang ada kini amat bergantung kepada aktiviti penghijrahan pada jangka waktu tersebut. Penghijrahan tersebut tidak terhad kepada kaum Cina dari Tanah Besar China, kaum India dari Benua Kecil India, ia perlu merangkungi penghijrahan kaum-kaum lain dari Pulau Sumatera, Pulau Jawa, Kalimantan, Sulawesi, Filipina, Thai dan sebagainya. Misalnya, dalam buku teks tingkatan dua menyatakan ramai buruh Cina dijemput bekerja di sektor pertanian ketika Sistem Kangcu diperkenalkan di negeri Johor (Masariah Mispari 2003 : 64), tetapi tidak menyatakan penghijrahan buruh Jawa ke Johor pada jangka waktu tersebut. Sebenarnya, selepas setengah abad pelaksanaan sistem Kangcu, 4 daripada 5 orang Melayu Johor berasal dari Jawa (Guinness 1992: 5) dan pada tahun 1931, hampir 27 % daripada populasi orang Melayu di Johor dilahirkan di luar Malaysia dan Singapura. Di Selangor juga hampir 28% orang Melayu datang dari luar (Kennedy 1962 : 224).¹³

Selain itu, keadaan masyarakat pelbagai kaum pada abad ke 19 dan awal abad ke-20 perlu diteliti. Ini termasuk struktur masyarakat, komposisi kaum dan bilangan

lengkap yang menyumbang kepada dasar campur tangan itu perlu didedahkan kepada pelajar.

¹² Dalam buku teks terbitan tahun 2004 , gambar Yap Ah Loy disertakan dengan satu ayat sokongan yang berbunyi “Yap Ah Loy antara orang yang bertanggungjawab membangunkan Kuala Lumpur.” (Masariah Mispari et al. 2003 : 153) Rujuk juga : KPM. 1996. Sejarah Tingkatan 2. KBSM .

¹³ Kenyataan daripada Guinness dan Kennedy itu dipetik dari artikel “Malaysian History Textbooks and the Discourse of *Ketuanan Melayu*” (Helen Ting. 2009: 36-52).

jumlahnya, aktiviti sosial dan ekonomi, corak pendidikan, cara hidup dan peradaban semua kaum. Kita perlu mencontohi buku teks Sejarah tingkatan 2 terbitan tahun 1978, yang memperuntukkan satu bab untuk membincangkan perubahan dan perkembangan masyarakat Melayu, Cina, India dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Antara isi kandungan yang disentuh termasuk masyarakat Cina di Melaka pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, kewujudan masyarakat Baba Nyonya, masyarakat Orang Cina di Pahang dan Johor, perkara penghijrahan Orang Cina, Kongsi gelap Orang Cina, layanan buruh Cina dan lain. Buku ini juga berbincang tentang masyarakat imigran India pada zaman Melaka, Kampung Kerlin, akta imigrasi dan lain (M.Thambirajah : 1978:102-133) .

Tidak kurang juga kita perlu merangkungi peristiwa pemberontakan oleh pelombong Cina di Bau, Sarawak sebagai perjuangan menentang penjajahan dalam buku Sejarah Tingkatan 2 yang bertajuk “ Perjuangan rakyat tempatan mengembalikan kedaulatan bangsa” berbincang tentang pemberontakan-pemberontakan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh Melayu dan peribumi di Sabah dan Sarawak (Masariah Mispari 2003 161-194) . Ini kerana pemberontakan Bau turut mengandungi ciri-ciri seperti menentang eksplotasi dan tekanan daripada pihak penjajah. Begitu juga, ketika membincangkan semangat nasionalisme dan aktiviti politik orang Melayu, perkara-perkara yang sama bagi orang Cina, India, peranakan dan kaum-kaum peribumi di Sabah dan Sarawak perlu diteliti juga. Ini termasuk aktiviti pertubuhan sosial, perakhbaran, dan penulisan kaum-kaum tersebut, (Sila rujuk jadual di bawah).

CADANGAN HURAIAN SUKATAN PELAJARAN SEJARAH TINGKATAN 2

| TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) | TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) |
|---|---|
| TEMA 3. KEMAKMURAN DAN KEKAYAAN NEGARA KITA MENARIK BRITISH UNTUK MENJAJAH | - Pertanian dagangan (sagu, lada hitam, gambir, tebu, ubi kayu, kopi, getah dan lain-lain) |
| 3.1. Penapakan dan peluasan pengaruh British | - Faktor perkembangan perusahaan getah (modal asing, sistem pengangkutan, tenaga buruh dan lain-lain) |
| * Perubahan Sosial Ekonomi di Eropah: Revolusi Industri, Revolusi Kebudayaan dan Penerokaan di | ii. Perusahaan perlombongan - Aktiviti perlombongan (bijih timah, bijih besi, emas, bauksit, |

| | |
|---|--|
| <p>Seberang Laut</p> <p>a. Negeri-Negeri Selat</p> <p>i. Pulau Pinang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Masalah Kedah dan hubungan dengan kuasa Luar - Perbincangan Sultan Kedah dengan Francis Light - Pulau Pinang diambil British - Percubaan Kedah mengambil semula Pulau Pinang - Pengambilan Seberang Perai <p>ii) Singapura</p> <ul style="list-style-type: none"> Krisis kerajaan Johor-Riau Lingga - Singapura diambil oleh British <p>iii) Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> Perjanjian Inggeris Belanda 1824 - Penubuhan Negeri-Negeri Selat dan Pentadbirannya <p>b. Campur tangan British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.</p> <p>i. Hubungan Negeri-Negeri Selat dengan Negeri-Negeri Melayu sebelum campur tangan British</p> <p>ii. Faktor campur tangan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Keadaan di Negeri-Negeri Melayu yang menyebabkan campur tangan British - Kekayaan hasil perlombongan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang - Kesan Revolusi Perindustrian dan perubahan dasar kerajaan British <p>iii. Pengenalan Sistem Residen</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perak - Negeri Sembilan - Selangor - Pahang | <p>ilamanit, petroleum dan lain-lain)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Faktor perkembangan perusahaan bijih timah. (modal asing, sistem pengangkutan, tenaga buruh dan lain-lain) <p>iii. Pengeluaran hasil hutan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Meramu <p>iv. Pembalakan</p> <p>b. Perubahan sosio ekonomi</p> <p>i. Sejarah Penghijrahan Pelbagai Kaum ke Bumi Malaysia Pada abad ke- 19 dan awal abad ke-20</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penduduk berhajrah dari Negara China, India dan tempat-tempat lain di sekitar Bumi Malaysia. - Faktor penghijrahan - Ciri-ciri penghijrahan - Kesan penghijrahan <p>* Sumbangan dalam bidang Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> - kaum Melayu - Kaum Asli - Kaum Cina - Kaum India - Lain-lain <p>* Keadaan masyarakat pada masa itu</p> <ul style="list-style-type: none"> - Struktur masyarakat pelbagai kaum - Komposisi kaum dan jumlahnya - Cara hidup dan peradaban - Aktiviti sosial dan ekonomi <p>ii. Infrastruktur / kemudahan sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> - sistem pengangkutan (darat, udara, laut) - sistem perhubungan (telegraf, telefon, radio dan perkhidmatan pos) - Kemudahan sosial (kesihatan, bekalan elektrik, saluran) <p>iii Kemunculan dan pembangunan bandar-bandar serta sumbangan tokoh (Kuala Lumpur, Ipoh,</p> |
|---|--|

| | |
|--|--|
| <p>iv. Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1896) dan kesannya.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tujuan - Pentadbiran Persekutuan - Kesan <p>a. Penerimaan Penasihat British di Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Johor</p> <p>i. Menyekat penapakan kuasa Barat lain</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hubungan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dengan British dan Siam <p>ii. Kedudukan Penasihat British</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu menerima Penasihat British - Pemodenan Johor dan penerimaan Penasihat British <p>d. Sarawak di bawah pemerintahan keluarga Brooke</p> <p>i. Penapakan kuasa James Brooke</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pentadbiran Sarawak sebelum 1841 - Pengambilan Sarawak oleh James Brooke <p>ii. Perubahan di bawah pemerintahan keluarga Brooke</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sistem pentadbiran - Perubahan sosial dan Ekonomi (sumbangan pelbagai kaum) - Perlembagaan 1941 <p>e. Sabah di bawah pemerintahan Syarikat Borneo Utara British (SBUB)</p> <p>i. Penapakan kuasa Barat di Sabah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pentadbiran Sabah sebelum 1860 - Pengambilan Sabah oleh Syarikat Borneo Utara British | <p>Taiping, Kuching dan lain)¹⁴</p> <p>iv Sistem pendidikan sehingga Perang Dunia Kedua</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan Melayu - Pendidikan Inggeris, Cina dan Tamil <p>TEMA 4 : TINDAKBALAS MASYARAKAT TEMPATAN TERHADAP PENJAJAH BRITISH</p> <p>4.1 Perjuangan pemimpin setempat</p> <p>a. Corak dan matlamat perjuangan (Dol Said, Rentap, Syarif Masahor, Dato' Maharaja Lela, Yamtuan Antah, Dato' Bahaman, Mat Salleh, Tok Janggut, Antanom, Abdul Rahman Limbong , Pemberontakan Bau)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penentangan bersenjata - Tujuan perjuangan: <ul style="list-style-type: none"> • Pengusiran kuasa penjajah • Pengekalan sistem pentadbiran <p>b. Reaksi British</p> <p>c. Keberkesanan perjuangan</p> <p>4.2 Pembelaan maruah bangsa</p> <p>a. Kebangkitan semangat kebangsaan untuk membebaskan tanah air</p> <p>i. Pengaruh luar (Turki, Mesir, Indonesia, India, China, Jepun dan Filipina)</p> <p>ii. Perkembangan dalam negeri</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan (Agama, Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil) - Penulisan pelbagai kaum (novel, |
|--|--|

¹⁴ Walaupun dalam buku teks Tingkatan 2 halaman 152 dan 153 membincangkan kemunculan dan perkembangan bandar-bandar tersebut (Masariah Mispari 2003 : 152-153), tetapi tidak diberi huraian yang sewajarnya tentang tokoh-tokoh yang telah memberi sumbangan penting dalam pembangunan bandar-bandar tersebut.

| | |
|--|--|
| <p>ii. Perubahan di bawah pentadbiran Syarikat Borneo Utara British</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sistem pentadbiran - Penyertaan penduduk tempatan - Perubahan sosial dan ekonomi (sumbangan pelbagai kaum) <p>3.2 Penguasaan hasil bumi dan kesannya</p> <p>a. Perkembangan ekonomi dagangan</p> <p>i. Pengenalan sistem perladangan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ekonomi Negeri- Negeri Selat | <p>cerpen, puisi, majalah dan akhbar sebelum Perang Dunia Kedua)¹⁵</p> <p>iii. Peranan badan- badan dan kesatuan-kesatuan pelbagai kaum sebelum Perang Dunia Kedua¹⁶</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tujuan perjuangan - Bentuk perjuangan - Kesan perjuangan <p>* Kesedaran dan aktiviti politik orang Cina, orang India , peranakan dan golongan-golongan minoriti lain.</p> |
|--|--|

TINGKATAN 3

Dalam sukatan pelajaran Sejarah tingkatan 3, kami berpendapat bahawa kita harus mendedahkan faktor-faktor pencetus dan situasi ketika Perang Dunia Kedua tercetus sebelum membincangkan pemerintahan Jepun. Ketika membincangkan reaksi penduduk tempatan terhadap pemerintahan Jepun, kita harus memberi tafsiran atau justifikasi yang tepat dan adil terhadap pengorbanan atau sumbangan golongan-golongan tertentu. Umpamanya, dalam buku teks tingkatan 3 yang dipakai kini, penulis telah membincangkan pengorbanan dan keberanian perjuangan askar Rejimen Melayu dan pemimpinnya Lefternan Adnan dengan isi kandungan yang agak sederhana, tetapi penulis hanya membincangkan Gerakan anti-Jepun seperti pasukan Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA), Gerila Kinabalu, Force 136, Askar Melayu Setia dan lain dengan cara yang ringkas (Ramlah Adam et al. 2004: 1-42). Peranan dan sumbangan semua golongan penentang penjajahan Jepun harus diberi ruang perbincangan yang sewajarnya. Jangan pula kita tertinggalkan peranan MPAJA yang paling banyak memberi tekanan kepada penjajahan Jepun serta pengorbanan anggotanya ketika

¹⁵ Dalam buku teks yang sedia ada itu hanya memperkenalkan kegiatan persuratkhabaran di kalangan orang Cina dan orang India, penulisan kreatif dalam penghasilan novel, cerpen, puisi dan sebagainya hanya menyentuh tentang penulis-penulis Melayu sahaja, maka perlu diperluaskan skop penulis kaum-kaum lain yang terabit.

¹⁶ Sebenarnya Pertubuhan orang Cina itu harus merangkumi pertubuhan dialek, pertubuhan perdagangan, dan persekutuanannya di peringkat negeri dan kebangsaan yang merupakan pertubuhan terawal dan paling berpengaruh di masyarakat Cina.

melancarkan gerakan gerila terhadap tentera Jepun.

Ketika membincangkan pelaksanaan Malayan Union 1946 dan Persekutuan Tanah Melayu 1948, perlu juga didedahkan isi kandungan tentang golongan berhaluan kiri yang menentang pelaksanaan Persekutuan Tanah Melayu. Jangan pula kita sengaja mengkritik atau mengecilkan peranan yang pernah dimainkan oleh golongan berhaluan kiri ini.¹⁷ Sebenarnya, golongan berhaluan kiri ini pernah membentuk kerjasama dan perpaduan yang melepasi batasan kaum yang terawal iaitu antara AMCJA dengan PUTERA di mana wakil kaum Cina dan India telah bersetuju mengelarkan diri mereka sebagai ‘Melayu’. Isi kandungan tentang “Perlembagaan Rakyat” dan gerakan “Hartal” serta sumbangan perjuangan pemimpin-pemimpin parti politik yang berhaluan kiri perlu dibincang dengan kadar yang sesuai. Ini termasuk peranan yang telah dimainkan oleh Burhanuddin Al-Helmy, Ahmad Boestaman dan pemimpin-pemimpin lain.

Sebelum membincangkan ancaman komunis di negara kita, pelajar perlunya didedahkan dengan ilmu pengetahuan tentang kemunculan ideologi komunis serta pengetahuan tentang negara Soviet Union dan China menjadi negara berfahaman komunis yang turut menyumbang kepada penyebaran fahaman komunis di bumi Malaysia. Penulis buku teks juga perlu lebih berhati-hati ketika membincangkan bab ancaman penganas komunis ini, supaya mengelakkan membuat tafsiran yang *bias* seperti hanya mengagung-agungkan pengorbanan dan sumbangan golongan tertentu sahaja dalam perkara penentangan penganas komunis.¹⁸ Perjanjian Damai “Haadyai” perlu dimasukkan untuk menunjukkan tamatnya perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM) itu. Selain itu, kita harus memberi

¹⁷ Umpananya, penulis buku teks Sejarah tingkatan 5 menyatakan bahawa : “Terdapat sebahagian kecil yang menyokong Malayan Union, antaranya termasuk orang dagang dan golongan Melayu Radikal... Kerakyatan Malayan Union yang terbuka juga disokong kerana mereka boleh mengekalkan kerakyatan asal masing-masing.” dan “ Melayu Raya atau Indonesia Raya : Slogan dan cita-cita politik sebahagian kecil orang Melayu ” (Ramlah Adam et al. 2003 : 59, 99-100) . Nampaknya, penulis cuba mengkritik golongan Melayu yang berhaluan kiri sebagai golongan yang kecil bilangan dan sokongan mereka kepada Malayan Union bertujuan untuk mengekalkan kerakyatan asal mereka. Sebenarnya pentafsiran sedemikian perlu penyelidikan yang lebih teliti sebelum dicatat dalam buku Sejarah.

¹⁸ Umpananya, ketika membincangkan keganasan Parti Komunis Malaya, penulis buku teks mengatakan bahawa : “ Parti Komunis Malaya (PKM) memerintah 14 hari : Banyak orang Melayu terbunuh dan rumah mereka dibakar oleh PKM ” (Ramlah Adam et al. 2003: 48) , dan “ Kesanggupan dan keberanian orang Melayu (*Home Guard*) melawan penganas komunis secara berhadapan amat mengagumkan Pesuruhannya Tinggi British pada masa itu . ” (Ramlah Adam et al. 2004: 93) . Penulisan sebegini tidak menyeluruh kerana ramai orang Cina dan India juga berani menentang PKM dan dibunuh oleh PKM, begitu juga ramai orang Cina yang menyertai pasukan *Home Guard* untuk mempertahankan keselamatan Kampung Baru. Sebenarnya idea untuk mengasaskan sistem *Home Guard* dicadangkan oleh Tan Cheng Lock untuk mendapatkan penglibatan orang Cina untuk menentang penganas PKM (Heng 1988: 119-27), dipetik dari Helen Ting, 2009 : 36-52.

pengiktirafan tertentu tentang peranan yang dimainkan oleh PKM dalam gerakan anti-kolonial walaupun kita tidak semestinya bersetuju dengan cara perjuangan mereka.

Ketika membincangkan isu pendidikan yang membawa kepada perpaduan, kami berpendapat bahawa kita harus membincangkan Laporan Razak 1956 dan Ordinan Pelajaran 1957 yang menjadi tunggak atau teras sistem pendidikan kita hari ini dengan lebih teliti dan berasaskan fakta sejarah yang tepat.¹⁹Di sini, penerusan sistem pendidikan pelbagai aliran di peringkat sekolah rendah dan kesan daripada penyeragaman bahasa pengantar dan kurikulum di peringkat sekolah menengah yang menyumbang kepada kelahiran Sekolah Menengah Cina Swasta dan kewujudan Sekolah Agama Swasta di luar sistem pendidikan kebangsaan boleh juga dibincangkan.

Akhirnya, kita perlu menyediakan bahagian yang membincangkan isi kandungan tentang pembangunan sains dan teknologi serta perkembangan dunia baru. Ini bukan sahaja dapat memenuhi kehausan pelajar tentang sejarah pembangunan sains dan teknologi yang menyumbang kepada cara hidup moden yang dinikmati oleh kita semua, malah dapat mencungkil bakat atau menarik minat pelajar untuk mencontohi ahli-ahli sains yang terkemuka di dunia itu melibatkan diri dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi. Manakala pengetahuan tentang sejarah perkembangan dunia baru juga penting kerana ia dapat memupuk minat atau kepekaan pelajar tentang situasi dan perkembangan terbaru dunia ini. Ini termasuk perbincangan tentang kelahiran zaman teknologi maklumat, penerokaan angkasalepas, isu pencemaran alam, kebangkitan Zon Asia Pasifik dan globalisasi. Sila rujuk jadual di bawah untuk mengetahui cadangan-cadangan kami.

¹⁹ Terdapat banyak kesalahan fakta dalam bahagian yang membincangkan sistem pendidikan dalam buku-buku teks Sejarah Tingkatan 3 dan 5, umpamanya, kenyataan “Laporan Razak membenarkan penggunaan bahasa pengantar vernacular selama sepuluh tahun selepas merdeka” (Ramlah Adam et al. 2004 : 130) adalah tidak tepat; Manakala kenyataan bahawa “Sekolah kebangsaan yang dicadangkan ini (Laporan Barnes 1950) menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada peringkat sekolah rendah....” (Ramlah Adam et al. 2003 : 212) juga tidak tepat, kerana bahasa pengantar yang dibenarkan di peringkat sekolah rendah ialah bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dalam cadangan Laporan Barnes 1950; “... Laporan Rahman Talib. Sekolah rendah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ditukar kepada bahasa Melayu. Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah.” (Ramlah Adam et al. 2003: 214) juga tidak tepat dari segi fakta; dan sebagainya.

CADANGAN HURAIAN SUKATAN PELAJARAN SEJARAH TINGKATAN 3

| TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) | TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) |
|---|---|
| <p>TEMA 5 : PERJUANGAN RAKYAT KE ARAH KEMERDEKAAN TANAH AIR</p> <p>5.1 Pemerintahan Jepun di negara kita</p> <p>* Keadaan Dunia dan Faktor-faktor Perang Dunia Kedua tercetus.</p> <p>a) Pemerintahan Jepun</p> <p>i. Kedatangan Jepun</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tujuan dan rancangan Jepun di Asia Tenggara - Cara dan strategi serangan Jepun ke atas Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah <p>ii. Dasar pemerintahan Jepun</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pentadbiran - Ekonomi - Sosial <p>iii. Reaksi penduduk tempatan terhadap pemerintahan Jepun</p> <ul style="list-style-type: none"> - Reaksi pelbagai kaum - Pasukan-pasukan yang menentang pemerintahan Jepun dan sumbangan mereka <p>b) Kesan pemerintahan Jepun</p> <p>i. Politik</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyemarakkan perjuangan kebangsaan - Memberi pengalaman pentadbiran kepada penduduk tempatan - Peluasan pengaruh komunis <p>ii. Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kemosotan ekonomi <p>iii. Sosial</p> | <p>5.5 Detik-detik Perisytiharan Kemerdekaan 31 Ogos 1957</p> <p>a) Rombongan Merdeka 1956</p> <p>i. Matlamat</p> <p>ii. Perjanjian London 1956</p> <p>b) Rundingan antara kaum dan penyediaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957</p> <p>i. Suruhanjaya Reid</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penubuhan, matlamat, anggota dan tugas - Asas penggubalan yang dipersetujui bersama <ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan raja-raja Melayu • Kedudukan istimewa orang Melayu • Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi • Hak bukan Melayu <p>ii. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 <p>c) Pemasyhuran Kemerdekaan 31 Ogos 1957</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kandungan Pemasyhuran Kemerdekaan <p>d. Tokoh-tokoh Kemerdekaan</p> <p>e. Sumbangan pejuang rakyat lain</p> <ul style="list-style-type: none"> - golongan berhaluan kiri - pertubuhan sosial - akbar-akhbar dan rakyat jelata <p>5.6 Perubahan Pentadbiran ke arah Berkerajaan sendiri di Sarawak dan Sabah</p> |

| | |
|--|---|
| <p>- Kesengsaraan hidup</p> <p>5.2 Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu</p> <p>a. Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun</p> <p>i. Keganasan 14 hari</p> <p>ii. Pentadbiran Tentera British (BMA)</p> <p>b. Malayan Union 1946</p> <p>i. Tujuan Penubuhan</p> <p>ii. Ciri-ciri Malayan Union</p> <p>c. Reaksi penduduk tempatan terhadap Malayan Union</p> <p>i. Faktor penentangan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kedaulatan dan kuasa politik sultan - Kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu - Tindakan Mac Michael <p>* Golongan yang menyokong dan sebabnya</p> <p>ii. Cara penentangan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peranan individu - Peranan akhbar - Secara kolektif (Kongres Melayu Se-Malaya) <p>d. Penubuhan UMNO 1946</p> <p>i. Tujuan penubuhan</p> <p>ii. Perjuangan Tokoh (Dato' Onn Bin Jaafar, Datuk Panglima Bukit Gantang, Dato' Hamzah Abdullah, Dato' Nik Ahmad Kamil, Zainal Abidin Ahmad)</p> <p>iii. Perjuangan dan perkembangan UMNO</p> | <p>a) Perubahan pentadbiran ke arah berkerajaan sendiri di Sarawak</p> <p>i. Sarawak selepas kekalahan Jepun</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pentadbiran Tentera British <p>ii. Sarawak diserahkan kepada kerajaan British</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sebab-sebab Vyner Brooke Menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British - Perubahan status Sarawak <p>iii. Gerakan anti penyerahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tujuan - Bentuk perjuangan • Kemunculan organisasi politik seperti Kesatuan Melayu Sarawak, Sarawak Dayak Association, Pergerakan Pemuda Melayu (Sibu) dan lain-lain • Rukun 13 <p>iv. Langkah-langkah ke arah berkerajaan sendiri di Sarawak 1946-1961</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perlembagaan 1941 - Majlis Tempatan 1947 - Pilihanraya Majlis Perbandaran 1956 - Penubuhan parti politik seperti Sarawak United People Party (SUPP), Parti Negara Sarawak (PANAS), Sarawak Nationl Party (SNAP), Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA), Parti Perikatan Sarawak <p>b) Perubahan pentadbiran ke arah berkerajaan sendiri di Sabah</p> <p>i. Sabah diserahkan kepada kerajaan British</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pentadbiran Tentera British - Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) <p>ii. Langkah-langkah ke arah berkerajaan sendiri di Sabah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perlembagaan 1950 - Majlis Tempatan 1952 |
|--|---|

| | |
|---|---|
| <p>e. Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948</p> <p>i. Rundingan ke arah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu</p> <p>ii. Ciri-ciri utama Persekutuan Tanah Melayu 1948</p> <p>* Penentangan terhadap Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan kesannya</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembentukan AMCJA- PUTERA - Perlembagaan Rakyat - Gerakan “ Hartal ” - Kesan - Perjuangan pemimpin parti politik berhaluan kiri <p>5.3 Ancaman Penganas Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948</p> <p>* Kemunculan fahaman komunis, Soviet Union dan Replublik China</p> <p>a. Penyusupan dan kegiatan penganas komunis</p> <p>i. Cara penyusupan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyerapan fahaman komunis di sekolah, kesatuan buruh dan Parti Koomintang <p>ii. Parti Komunis Malaya 1930</p> <p>iii. Kegiatan penganas komunis di Sarawak</p> <p>b. Langkah-langkah membanteras ancaman penganas komunis</p> <p>i. Perisytiharan darurat 1948</p> <p>ii. Pengharaman parti Komunis Malaya dan parti-parti berhaluan kiri</p> <p>iii. Memperbesar pasukan keselamatan</p> | <ul style="list-style-type: none"> - Perlembagaan 1960 - Pilihanraya Majlis Undangan 1962 - Kemunculan persatuan seperti United Kadazan National Organization (UNKO), United Sabah National Organization (USNO), Pasok Momogun, Persatuan Cina Sabah (PCS), Parti Perikatan Sabah <p>TEMA 6. PEMBENTUKAN NEGARA MALAYSIA</p> <p>6.1 Gagasan Persekutuan Malaysia</p> <p>a) Idea pembentukan Malaysia Konsep gagasan Persekutuan</p> <p>i. Cadangan Tunku Abdul Rahman Putra di Singapura pada 27 Mei 1961</p> <p>b) Matlamat pembentukan Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Keselamatan ii. Keseimbangan kaum iii. Mempercepat kemerdekaan iv. Memajukan ekonomi <p>6.2 Reaksi terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia</p> <p>a) Reaksi dan perkembangan politik</p> <p>i. Reaksi negeri-negeri yang terlibat dalam cadangan Persekutuan Malaysia (Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah, Brunei)</p> <p>ii. Negara-negara jiran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tuntutan Phillipina ke atas Sabah - Reaksi Indonesia <p>iii. Reaksi negara Barat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Britain |
|---|---|

| | |
|---|---|
| <p>iv. Mengatasi Min Yuen</p> <p>v. Rancangan Briggs</p> <p>vi. Perang Saraf</p> <p>vii. Pengampunan beramai-ramai</p> <p>viii. Rundingan Baling</p> <p>ix. Perjanjian Damai “ Haadyai ”</p> <p>c. Kesan Zaman Darurat</p> <p>i. Politik</p> <p>ii. Sosial- ekonomi</p> <p>* Perbezaan pandangan tentang Perjuangan Parti Komunis Malaya</p> <p>5.4 Kerjasama Antara Kaum Ke Arah Kemerdekaan</p> <p>a. Ke arah mencapai perpaduan kaum</p> <p>i. Pendidikan ke arah perpaduan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Laporan Barnes, Fenn-Wu, dan Ordinan Pelajaran 1952, Laporan Razak dan Ordinan Pelajaran 1957 - Kewujudan Sekolah Agama Swasta dan Sekolah Menengah Cina Swasta di luar sistem pendidikan kebangsaan <p>ii. Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum</p> <p>iii. Penubuhan dan perkembangan parti-parti politik</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Malayan Indian Congress (MIC), Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP), Parti Islam SeTanah Melayu (PAS) dan Parti Negara, Persatuan Cina Malaya (MCA), - Penubuhan dan Perkembangan | <ul style="list-style-type: none"> - Amerika Syarikat <p>* Reaksi negara China dan Soviet Union</p> <p>6.3 Perjanjian dan Perisytiharan Malaysia</p> <p>a) Langkah ke arah pembentukan Malaysia</p> <p>Hasil tinjauan pendapat dan kehendak Rakyat terhadap gagasan Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) - Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) - Laporan Suruhanjaya Cobbold - Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) - Tinjauan Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu - Perdamaian selepas konfrantasi <p>b) Pengisytiharan Malaysia 16 September 1963</p> <p>i. Perjanjian Malaysia 1963</p> <ul style="list-style-type: none"> - Asas-asas Perjanjian Malaysia (20 Perkara Sabah) - Pengisytiharan Malaysia <p>ii. Perpisahan Singapura 1965</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sebab-sebab <p>6.4 * Pembangunan Sains dan Teknologi serta Perkembangan Dunia Baru</p> <p>a. Pembangunan Sains dan Teknologi</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembangunan Sains yang menyumbang kepada kehidupan baru ii. Pembangunan Sains dan teknologi |
|---|---|

| Parti-parti Pembangkang | Semasa |
|---|---|
| b. Kerjasama kaum ke arah berkerajaan sendiri | b. Perkembangan Dunia Baru |
| i. Pengenalan Sistem Ahli 1951 <ul style="list-style-type: none">- Keahlian- Kepentingan | i. Zaman teknologi maklumat |
| ii. Syarat kerakyatan dilonggarkan (1952) | ii. Penerokaan angkasalepas |
| iii. Pembentukan Parti Perikatan <ul style="list-style-type: none">- Pakatan | iii. Isu pencemaran alam |
| | iv. Kebangkitan Zon Asia Pasifik |
| | v. Globalisasi |

TINGKATAN 4

Sukatan pelajaran Sejarah mencadangkan bahawa kurikulum Sejarah bagi peringkat Sekolah Menengah Atas dirancang dengan tujuan supaya murid memperoleh perspektif yang lebih luas tentang proses perkembangan masyarakat dan negara. Sejarah perkembangan dan proses evolusi peradaban dunia dikaji bagi melengkapkan perspektif pendidikan Sejarah (KPM 2000 : 1). Yang dicadangkan di sini ialah isi kandungan tentang proses evolusi peradaban dunia itu perlu diperluaskan skopnya dan tidak patut hanya tumpu kepada perbincangan tentang sejarah yang berkaitan dengan tamadun Islam yang meliputi hampir separuh daripada jumlah isi kandungan dalam buku teks Tingkatan 4. Maka, kami bercadang agar kemunculan agama dan sumbangan ajaran agama-agama utama dunia (termasuk ajaran Confucianisme dan Taoisme) terhadap peningkatan tamadun dunia turut diberi perbincangan yang lebih lengkap dan teliti dalam sukatan pelajaran baru.

Dari segi lain, isi kandungan tentang agama Islam harus dikemaskan sehingga dimuat dalam perbincangan dua bab. Seseengah isi kandungan yang tidak begitu penting harus diringkaskan atau dipadatkan. Umpamanya, tema 8.1 bertajuk 'Islam dan perkembangannya di Makkah' dan tema 8.2 bertajuk 'Kerajaan Islam di Madinah' harus digabungkan dan isinya diringkaskan dalam perbincangan satu bab. Manakala sebahagian daripada isi kandungan dalam tema 8.3 yang bertajuk 'Pembentukan kerajaan Islam dan Sumbangannya' yang merangkungi isi kandungan tentang zaman Khalifah al-

Rasyidin, kerajaan Bani Umayyah, kerajaan Bani Abbasiyah dan kerajaan Turki Uthmaniyah dan sumbangannya hanya perlu diperkenalkan secara ringkas dalam bahagian akhir bab tersebut.

Begitu juga bagi tema 8.4 bertajuk 'Islam di Asia Tenggara' dan tema 8.5 dengan tajuknya 'Pembaharuan dan pengaruh Islam di Malaysia sebelum kedatangan Barat' boleh digabungkan dan dipermudahkan dalam perbincangan satu bab juga. Isi kandungan tentang pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia boleh dijelaskan secara ringkas pada awal bab ini. Ini termasuk cara pertembungan dalam bidang perniagaan, diplomatik, kebudayaan dan peperangan serta kesan pertembungannya.

Dalam buku teks Sejarah terbitan tahun 1969, sejarah tentang feudalisma, Perang Salib, Zaman Pembaharuan, Penjelajahan dan Jumpaan, Revolusi Sains dan Perusahaan, Revolusi Perancis, Amerika dan China, Kemerdekaan di India dan Jepun Moden, Perang Dunia dan sebagainya dibelajari. Buku teks yang dipakai kini tidak menyentuh tentang peristiwa-peristiwa tersebut. Maka, untuk melengkapkan pengetahuan pelajar tentang sejarah dunia, kami bercadang agar satu bab yang bertajuk gerakan politik moden oleh kuasa-kuasa besar disediakan. Ini merangkungi perbincangan tentang Revolusi Perancis, kemunculan kerajaan berpelembagaan Beraja British, kemerdekaan Amerika Syarikat dan Sisem demokrasi berpresiden, serta Revolusi Rusia dan kelahiran Soviet Union berfahaman Komunis. Peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di negara-negara tersebut membawa pengaruh besar atas evolusi peradaban dunia serta menyumbang kepada situasi politik dunia moden.

CADANGAN HURAIAN SUKATAN PELAJARAN SEJARAH TINGKATAN 4

| TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) | TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) |
|--|---|
| TEMA 7. TAMADUN AWAL MANUSIA 7.1 Tamadun Awal Dunia a. Proses pembentukan tamadun (Sumeria, Mesir, Indus dan Hwang Ho) | 8.5 Pembaharuan dan pengaruh Islam di Malaysia sebelum kedatangan Barat a. Pemerintahan dan pentadbiran i. Institusi kesultanan - Konsep sultan - Konsep daulah |

| | |
|---|--|
| <p>i. Konsep dan pengertian</p> <p>ii. Sumbangan</p> <p>b. Peningkatan tamadun (Yunani, Rom, India dan China)</p> <p>i. Peningkatan dan sumbangan tamadun</p> <p>* Kemunculan agama dan ajaran utama dunia (Diasingkan dalam perbincangan bab baru)</p> <p>i. Agama</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hindu - Buddha - Kristian <p>ii. Ajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Confucianisme - Taoisme <p>iii. Sumbangan agama dan ajaran</p> <p>7.2 Tamadun Awal Asia Tenggara</p> <p>a. Bentuk dan ciri-ciri kerajaan awal</p> <p>i. Kerajaan agraria (Kerajaan Angkor)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pertanian sara diri - Aktiviti mengumpul hasil hutan dan Perdagangan <p>ii. Kerajaan maritim (Kerajaan Srivijaya)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Aktiviti perdagangan, menangkap ikan dan mengumpul hasil laut - Sebagai ahli pelayaran - Peranan pelabuhan awal <p>b. Pengaruh agama Hindu dan Buddha dalam Kerajaan Awal di Asia Tenggara (Kerajaan Tempatan Kedah Tua, Tanah Merah dan lain)</p> <p>20</p> | <p>ii. Perundangan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Undang-undang tidak bertulis / Hukum Adat (Adat Temenggung, Adat Papatih) - Undang-undang bertulis (Hukum Kanun Melaka, Undang-undang laut Melaka, Undang-undang 99 Perak) <p>b. Sosiobudaya</p> <p>i. Pendidikan</p> <p>ii. Kesenian</p> <p>iii. Bahasa dan kesusasteraan</p> <p>iv. Gaya hidup</p> <p>c. Ekonomi</p> <p>i. Mata wang</p> <p>ii. Percukaian</p> <p>iii. Perdagangan</p> <p>(Tema 8.4 dan 8.5 digabungkan dan dipermudahkan dalam perbincangan satu bab, manakala Pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia dibincang secara ringkas dalam bahagian awal bab ini)</p> <p>TEMA 9 : PERKEMBANGAN DI EROPAH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA SERTA PERUBAHAN STRUKTUR POLITIK OLEH KUASA-KUASA BESAR</p> <p>9.1 Perkembangan di Eropah</p> <p>a. Perubahan masyarakat dan budaya Eropah</p> <p>i. Zaman Gelap</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengertian - Ciri <p>ii. Renaissance</p> |
|---|--|

²⁰ Kami berpendapat bahawa kita harus membuat perbincangan yang lebih lengkap dan teliti tentang pengaruh Agama Hindu dan Buddha terhadap Kerajaan Kedah Tua, Tanah Merah dan kerajaan-kerajaan tempatan lain. Ini termasuk pengaruhnya terhadap peradaban masyarakat Melayu pada zaman dahulu.

| | |
|---|--|
| <p>i. Sistem pemerintahan dan pentadbiran - Institusi beraja</p> <p>ii. Kesenian dan kesusasteraan - Pembinaan candi - Kepentingan bahasa Sanskrit</p> <p>iii. Hubungan dengan negara China dan pengaruh Confucianisme dalam Kerajaan Awal</p> | <p>- Pengertian - Kesan (Perubahan dalam idea dan institusi politik, sistem ekonomi dan sikap terhadap ilmu)</p> <p>iii. Reformation - Pengertian - Kesan</p> <p>b. Penjelajahan dan penerokaan i. Penemuan jalan laut dan dunia baru - Sebab - Kesan</p> |
| <p>TEMA 8. TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA</p> <p>8.1 Islam dan perkembangannya di Makkah</p> <p>a. Masyarakat Arab Jahiliyah</p> <p>i. Ciri-ciri dari aspek sosial, nilai-nilai hidup, organisasi politik dan kepercayaan agama</p> <p>b. Islam dan penyebarannya di Makkah</p> <p>i. Kelahiran dan perkembangan Islam di Makkah</p> <p>c. Reaksi masyarakat Arab</p> <p>i. Penerimaan dan penentangan masyarakat Arab Makkah</p> <p>8.2. Kerajaan Islam di Madinah</p> <p>a. Perjanjian Aqabah Pertama dan Kedua (Peristiwa ringkas)</p> <p>i. Kepentingan</p> <p>b. Hijrah (Peristiwa ringkas)</p> <p>i. Konsep ii. Sebab iii. Kepentingan</p> <p>c. Piagam Madinah</p> <p>i. Kandungan ii. Kepentingan</p> | <p>c. Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian</p> <p>i. Perkembangan bidang pertanian - Pemilikan tanah persendirian - Kaedah dan ciptaan baru dalam pertanian - Pertanian komersial</p> <p>ii. Perkembangan dalam bidang industri - Peralihan daripada industri desa kepada perkilangan - Pengkhususan pengeluaran - Penggunaan teknologi</p> <p>iii. Kesan Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian - Pertanian sebagai punca ekonomi - Peningkatan perdagangan antarabangsa - Kemajuan bidang pengangkutan - Kemunculan golongan buruh dan majikan</p> <p>d. Imperialisme (Imperialisme barat di Asia)</p> <p>i. Pengertian ii. Faktor iii. Kesan</p> <p>* Fahaman dan Gerakan Politik Moden Yang Mempengaruhi Dunia (Dibincang dengan satu bab)</p> <p>a. Revolusi Perancis dan penyatuan</p> |

| | |
|---|--|
| <p>d. Penyebaran Islam i. Mempertahankan maruah dan hak</p> <p>e. Perjanjian Hudaibiyah i. Kepentingan</p> <p>f. Pembukaan semula kota Makkah i. Kepentingan dan kejayaan Islam</p> <p>8.3. Pembentukan kerajaan Islam dan Sumbangannya i. Zaman Khalifah al-Rasyidin ii. Kerajaan Bani Umaiyah iii. Kerajaan Bani Abbasiyah iv. Kerajaan Turki Uthmaniyah</p> <p>(Tema 8.1 dan 8.2 digabungkan dan dipermudah dalam perbincangan satu bab; manakala sebahagian daripada isi kandungan dalam tema 8.3 diringkaskan dan diselit dalam bahagian akhir bab ini)</p> <p>8.4 Islam di Asia Tenggara</p> <p>* Pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia i. Cara pertembungan ii. Kesan</p> <p>a. Kedatangan Islam ke Asia Tenggara</p> <p>i. Teori dan bukti - Kedatangan Islam dari Arab - Kedatangan Islam dari China - Kedatangan Islam dari India</p> <p>b. Penyebaran Islam di Asia Tenggara</p> <p>i. Cara dan penerimaan - Perdagangan - Per kahw inan - Pengislaman raja dan golongan bangsawan - Kelahiran kerajaan Islam - Peranan mubaligh - Pusat kebudayaan - Keistimewaan agama Islam</p> | <p>negara Itali dan German</p> <p>b. Kemunculan Kerajaan Raja berpelembagaan British.</p> <p>c. Kemerdekaan Amerika Syarikat dan Sisem demokrasi berpresiden</p> <p>d. Revolusi Rusia dan Soviet Union Komunis</p> <p>e. Kesan</p> <p>9.2 Dasar British dan kesannya Terhadap ekonomi negara</p> <p>a. Ekonomi tradisional</p> <p>i. Ciri-ciri</p> <p>b. Ekonomi dagangan</p> <p>i. Sistem pertanian komersil ii. Industri perlombongan iii. Penggunaan tenaga buruh luar iv. Institusi kewangan dan insuran</p> <p>c. Dasar British terhadap pertanian</p> <p>i. Undang-undang berhubung tanah - Akta Tanah Simpanan Melayu, Land Order, Land Settlement Order dan Proklamasi III Per lindungan Hak Pribumi</p> <p>ii. Dasar British terhadap pekebun kecil - Padi - Getah</p> <p>d. Kesan-kesan dasar ekonomi</p> <p>i. Pemandaran ii. Pembentukan masyarakat berbilang kaum iii. Sistem pendidikan vernakular iv. Sektor perkilangan v. Sistem pengangkutan dan perhubungan vi. Perkhidmatan kesihatan</p> |
|---|--|

| | |
|---|---|
| <p>c. Pengaruh Islam di Asia Tenggara i. Aspek pemerintahan dan pentadbiran ii. Aspek sosial iii. Aspek ekonomi</p> | <p>e. Sumbangan rakyat tempatan dalam Pembangunan Ekonomi Negara</p> <p>f. Kelahiran dan pembangunan bandar-bandar serta sumbangan tokoh-tokoh²¹</p> |
|---|---|

TINGKATAN 5

Dalam tema 10, sukatan pelajaran Sejarah yang bertajuk ‘Kemunculan dan Perkembangan Nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua’, kami mencadangkan agar kebangkitan politik baru, revolusi dan pemodenan negara China, India dan Jepun diteliti dalam bahagian ini. Ini memandangkan negara-negara ini merupakan negara kuasa besar yang berpengaruh di rantau Asia dan dunia serta jiran tetangga negara Malaysia. Pembelajaran tentang sejarah moden mereka akan membantu generasi baru kita memelihara persahabatan dan kepentingan bersama dengan kuasa-kuasa besar ini.

Selain itu, konflik antarabangsa yang termasuk Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, kemunculan Blok Dunia dan Perang Dingin (Kemunculan negara-negara Dunia Ketiga) serta konflik-konflik atau cabaran-cabaran baru dunia selepas tamat Perang Dingin perlu dibincang dengan satu bab. Krisis-krisis baru dunia termasuk pengganas pelampau, Perang di Timur Tengah, Krisis minyak dan kebuluran, masalah pencemaran alam sekitar dan sebagainya harus diteliti. Sejarah tentang peristiwa dan cabaran baru ini perlu didedahkan kepada generasi baru agar mereka dapat menguasai pengetahuan tentang sejarah dunia yang baru serta menjadi lebih berkeyakinan menghadapi cabaran atau persaingan global.

Dari segi sejarah dalaman pula, kita perlu memasukkan sejarah tentang pemberontakan pelombong di Bau, dan memberi lebih ruang kepada perjuangan pemimpin berhaluan kiri termasuk bantahan Putera-AMCJA terhadap Perlembagaan Persekutuan Tanah

²¹ Dalam tajuk yang bertema ‘Dasar British dan kesannya terhadap ekonomi negara’ ini, kami berpendapat bahawa sumbangan-sumbangan rakyat tempatan dalam pembangunan ekonomi negara dan bandar-bandar harus dipentingkan kerana tanpa penglibatan orang tempatan, kejayaan dalam bidang ekonomi tidak mungkin wujud. Isi kandungan yang serupa walaupun pernah disentuh dalam buku teks Tingkatan 2, tetapi dalam bentuk yang ringkas dan kurang mendalam.

Melayu 1948, penggubalan ‘Perlembagaan Rakyat’ dan kesan daripadanya, serta gerakan nasionalisme dan aktiviti politik oleh kaum Cina, India dan peribumi²² di Sabah dan Sarawak dalam bahagian yang bertema “ Nasionalisme di Malaysia ” dan “Pembinaan Negara dan Bangsa”. Ini bertujuan untuk memberitahu generasi baru tentang sejarah nasionalisme dan pembinaan negara bangsa yang tepat dan benar, kerana sumbangan pembinaan bangsa negara dan pencapaian kemerdekaan tidak patut dimonopoli oleh sesuatu golongan yang berkuasa, sebaliknya semua rakyat termasuk golongan berharuan kiri dan pertubuhan sosial juga telah memainkan peranan mereka untuk membantu negara kita mencapai kemerdekaan.

Sejarah selepas hari kemerdekaan perlu diberi perhatian juga. Umpamanya, Peristiwa Rusuhan Kaum 13 Mei 1969, pembentukan kerajaan Barisan Nasional, Parti-parti politik semasa, keputusan pilihanraya umum, corak pemerintahan di bawah Perdana Menteri yang berlainan, krisis politik semasa dan cabaran-cabaran semasa dalam bidang politik dan ekonomi negara sehingga tahun 2010 harus dibincang dalam buku teks Sejarah. Penulisan peristiwa-peristiwa sejarah ini harus merangkungi pandangan kerajaan dan masyarakat umum agar menajakan pandangan yang lebih menyeluruh dan tidak bias. Perbincangan peristiwa sejarah terdekat ini turut dapat menarik minat pelajar terhadap subjek Sejarah.

CADANGAN HURAIAN SUKATAN PELAJARAN SEJARAH TINGKATAN 5

| TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) | TEMA / TAJUK (Sukatan Pelajaran Yang Dicadang) |
|--|---|
| <p>TEMA 10: KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA</p> <p>10.1. Kemunculan dan perkembangan nasionalisme di Asia dan Asia Tenggara</p> <p>* Perkembangan Nasionalisme dan Kebangkitan Politik Baru di Asia</p> | <p>e) Kemunculan negara yang berdaulat 31 Ogos 1957</p> <p>i. Sistem Ahli</p> <p>ii. Pakatan murni</p> <p>iii. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957</p> <p>iv. Pergerakan politik di Sarawak dan Sabah</p> <p>f) Pembentukan Malaysia 16 Sept. 1963</p> <p>i. Idea pembentukan Malaysia</p> <p>ii. Reaksi terhadap pembentukan Malaysia</p> |

²² Jika terdapat pembabit orang Asli dalam sesuatu gerakan politik, maka kita harus merangkunginya walaupun ia hanya melibatkan individu atau perseorangan sahaja .

| | |
|---|--|
| <p>a. Revolusi China b. Kemerdekaan India c. Pemodenan Jepun</p> <p>a) Imperialisme Barat di Asia Tenggara</p> <p>i. Imperialis Barat ii. Faktor imperialisme - Penguasaan ekonomi dan politik</p> <p>b) Perubahan sistem politik</p> <p>i. Pengenalan sistem birokrasi Barat</p> <p>c) Nasionalisme di Asia Tenggara</p> <p>i. Faktor kemunculan nasionalisme ii. Perkembangan nasionalisme</p> <p>10.2. Nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua</p> <p>a) Perjuangan pemimpin setempat menentang British</p> <p>i. Pemerintahan dan pentadbiran British ii. Peristiwa penentangan pemimpin setempat (Dol Said, Rentap, Syerif Masahor, Dato' maharaja Lela, Yam Tuan Antah, Dato' Bahaman, Mat Salleh, Tok Janggut, Antanom, Abdul Rahman Limbong, Pemberontakan Bau, Perjuangan pemimpin berhaluan kiri)</p> <p>b) Gerakan Nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua</p> <p>i. Faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan nasionalisme ii. Gerakan Islah</p> <p>iii. Perjuangan badan-badan dan kesatuan - Kesatuan Melayu Singapura - Persatuan Sahabat Pena (PASPAM) - Kesatuan Melayu Selangor - Kesatuan Melayu Muda (KMM) - Kesatuan Kebangsaan Melayu</p> | <p>- Dalam negara - Negara-negara luar</p> <p>iii. Perjanjian Malaysia 1963</p> <p>11.2 Sistem pemerintahan dan Pentadbiran negara selepas Merdeka</p> <p>a) Ciri-ciri Demokrasi Berparlimen</p> <p>i. Perlembagaan ii. Raja Berperlembagaan iii. Badan pemerintah iv. Pilihanraya v. Parti politik</p> <p>b) Kerajaan Persekutuan</p> <p>i. Kerajaan Pusat ii. Kerajaan Negeri</p> <p>c) Lambang-lambang negara</p> <p>i. Jata Negara ii. Bendera Kebangsaan iii. Lagu Kebangsaan</p> <p>11.3 Pembangunan dan perpaduan untuk kesejahteraan</p> <p>a) Pembangunan Ekonomi</p> <p>i. Rancangan Lima Tahun - Rancangan Malaya Pertama - Rancangan Malaya Kedua - Rancangan Malaysia Pertama - Rancangan Malaysia Kedua - Rancangan Malaysia Ketiga - Rancangan Malaysia Keempat - Rancangan Malaysia Kelima</p> <p>ii. Dasar-dasar Pembangunan Ekonomi Negara - Dasar Pertanian Negara - Dasar Penswastaan - Dasar Pensyarikatan - Dasar Hala Cara Baru</p> |
|---|--|

| | |
|--|--|
| <p>Sarawak</p> <p>iv. Perkembangan dan peranan akhbar Dan majalah (Al Imam, Seruan Al- Azhar, Pilihan Timur, Majalah Guru, Warta Malaya, Majlis, Utusan Melayu, Saudara, Fajar Sarawak, Lidah Benar, Pengaruh Al-Ikhwan)</p> <p>c. Gerakan nasionalisme dan aktiviti politik oleh kaum-kaum lain (Cina, India, peribumi di Sabah dan Sarawak) - Pertubuhan Politik dan Sosial - Peranan akhbar dan penulisan - Kesannya</p> <p>TEMA 11. PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA KE ARAH KEMUNCULAN NEGARA MALAYSIA BERDAULAT</p> <p>11.1 Kesedaran tentang pembinaan negara dan bangsa</p> <p>a) Latar belakang konsep negara dan bangsa:</p> <p>i) Pembinaan negara bangsa - Kerajaan Islam Madinah - Negara bangsa Itali, Jerman dan Amerika Syarikat</p> <p>ii) Ciri-ciri negara dan bangsa - Bangsa - Negara - Kerajaan - Perlembagaan</p> <p>b) Kesultanan Melayu Melaka</p> <p>i. Ciri-ciri negara dan bangsa</p> <p>c) Warisan negeri-negeri Melayu</p> <p>i. Johor - Undangundang Tubuh Kerajaan Johor</p> | <p>- Dasar Peningkatan - Daya Pengeluaran Negara - Dasar Kependudukan</p> <p>b) Pembangunan dan perpaduan bangsa i. Rukun Negara ii. Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iii. Akta Bahasa Kebangsaan iv. Dasar Kebudayaan Kebangsaan v. Sukan untuk perpaduan</p> <p>11.4 Malaysia ke arah negara maju</p> <p>a. Wawasan 2020 - Idea dan konsep - Sembilan cabaran utama</p> <p>* Perkembangan politik terbaru negara (sehingga 2010) * Peristiwa 13 Mei 1969 dan kesannya * Pembentukan Kerajaan Barisan Nasional * Parti-parti politik semasa * Keputusan Pilihanraya Umum * Corak Kepimpinan Perdana Menteri * Krisis politik semasa * Cabaran-cabaran semasa dalam bidang politik dan ekonomi negara sehingga 2010</p> <p>TEMA 12. MALAYSIA DAN KERJASAMA ANTARA BANGSA</p> <p>12.1 Konflik Antarabangsa</p> <p>a) Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua</p> <p>b) Kemunculan Blok Dunia dan Perang Dingin (Kemunculan negara-negara Dunia Ketiga)</p> <p>c) Konflik baru dunia selepas tamat Perang Dingin dan Cabaran- cabaran baru dunia</p> |
|--|--|

| | |
|---|--|
| <p>ii. Terengganu - <i>Ittqan –ilmuluk bi-ta’dil il-suluk</i></p> <p>iii. Kelantan - Sistem Jemaah Menteri</p> <p>iv. Negeri Sembilan - Prinsip demokrasi - Konsep persekutuan</p> <p>d) Malayan Union 1946 dan Persekutuan Tanah Melayu 1948.</p> <p>i. Malayan Union - Kandungan perlembagaan - Penentangan terhadap Malayan Union</p> <p>ii. Persekutuan Tanah Melayu 1948 - Usaha ke arah pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 - Kandungan perlembagaan</p> <p>* Bantahan Putera- AMCJA Terhadap Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948, ‘Perlembagaan Rakyat’ dan kesan daripadanya</p> | <p>12.2 Peranan dan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa</p> <p>a) Dasar luar Malaysia</p> <p>i. Asas penggubalan ii. Kepentingan dasar luar Malaysia iii. Perkembangan dasar luar Malaysia</p> <p>b) Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa</p> <p>i. Komanwel ii. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iii. Pertubuhan Negara-negara Berkecuali iv. Negara-negara Selatan v. Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)</p> <p>c) Malaysia dalam pertubuhan serantau</p> <p>i. ASA ii. MAPHILINDO iii. ASEAN</p> <p>d) Cabaran masa depan (ICT, K-Ekonomi dan K- Society)</p> |
|---|--|

KELEBIHAN SUKATAN PELAJARAN SEJARAH DAN PERKARA YANG MASIH PERLU DIPERTAMBAHBAIK

Walaupun isi kandungan kurikulum menunjukkan kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki atau diperbetul dengan segera, namun sukatan pelajaran Sejarah yang sedia ada juga memaparkan beberapa kelebihan yang patut diteruskan. Antaranya termasuk matlamat²³ dan objektif²⁴ yang dirancang itu cukup jelas, eksplisit dan bersesuaian

²³ Matlamat itu menyatakan : “ Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanahair dan sejarah negara luar yang berkaitan, para murid dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Usaha ini bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan negara Malaysia. Pendidikan Sejarah juga dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap Sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa.” (KPM 2002 : 3)

²⁴ Objektif kurikulum sejarah membolehkan murid : 1. menyusur galur sejarah diri dan salasilah keluarga; 2. menulis dan menghuraikan sejarah perkembangan sekolah; 3. menyatakan asal usul dan perkembangan masyarakat dan negara; 4. menyatakan warisan tradisi Kesultanan Melayu Melaka; 5. menjelaskan sejarah negeri-negeri di Malaysia dari segi bentuk kerajaan, pentadbiran, ekonomi dan sosial; 6. memiliki perasaan bangga dengan kegemilangan tamadun bangsa dan negara; 7. menghargai usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan negara; 8. mempunyai dan

dengan matlamat pendidikan negara dan kehendak disiplin Sejarah. Yang menjadi persoalan adalah skopnya kurang menyeluruh, isi kandungan yang dipilih dan dimuat dalam buku teks itu tidak mampu mencapai matlamat dan objektif yang disenaraikan itu. Ini menjadi faktor utama kami bertungkus-rumus memperbaiki kelemahan-kelemahan serta menambahbaikkkan isi kandungan sukatan pelajaran agar mencapai matlamat dan objektif yang tersenarai itu.

Selain itu, pengenalan **projek Kajian Sejarah Tempatan** merupakan satu tindakan yang tepat dan patut digalakkan. Ini kerana melalui Kajian Sejarah Tempatan, pelajar diberi peluang pendedahan dan pengalaman tentang kajian aspek-aspek sejarah yang ada di sekeliling mereka dengan secara langsung. Melalui pengkajian ini, kemahiran-kemahiran dalam disiplin Sejarah seperti mencari, mengumpul, mengelas, mentafsir maklumat dan fakta sejarah dapat disemai atau dipertingkatkan di kalangan pelajar. Manakala pengalaman yang diperoleh oleh mereka akan menimbulkan kepekaan dan memupuk minat mereka terhadap subjek sejarah.²⁵

Memandangkan projek Kajian Sejarah Tempatan ini membawa manfaat kepada pelajar, kami bercadang agar projek Kajian Sejarah Tempatan ini **diperkenalkan di peringkat menengah atas** dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kandungan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan pemberatan yang tertentu. Skop kajian sejarah tempatan di peringkat menengah atas ini perlu diperluas dan dipelbagaikan agar dapat melatih pelajar menguasai kaedah-kaedah membuat penyelidikan Sejarah, memupuk pengamatan mereka terhadap disiplin Sejarah, serta menyemai benih pendidikan sepanjang hayat kepada generasi baru memandangkan pendidikan Sejarah ini merupakan satu disiplin ilmu yang dinamik.

mempertingkatkan semangat patriotic dan bersedia melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara; 9. mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan berasaskan iktibar daripada peristiwa sejarah; 10. menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah Malaysia dan dunia luar secara rasional. (KPM 2002 : 3)

²⁵ Dalam Huraian Sukatan Pelajaran menyatakan bahawa Kajian Sejarah Tempatan bertujuan memberi pengalaman secara langsung kepada murid mengkaji aspek-aspek sejarah yang ada di sekeliling mereka. Melalui pengkajian ini, kemahiran seperti mencari, mengumpul, mengelas, mentafsir maklumat dan fakta sejarah dapat dipertingkatkan. Pengalaman ini juga diharapkan akan dapat menimbulkan kepekaan dan memupuk minat pelajar terhadap sejarah. Kajian Sejarah Tempatan memberi tumpuan kepada hal-hal yang bersangkutan dengan keadaan setempat. Unsur-unsur yang boleh dijadikan kajian seperti tokoh, peristiwa, perkembangan ekonomi, adat resam dan tradisi setempat. Bagi Tingkatan 1 kandungan Kajian Sejarah Tempatan meliputi: Sejarah Diri dan Keluarga; Bagi Tingkatan 2 liputan kajian ialah: Sejarah Sekolah, dan bagi Tingkatan 3 liputan kajian ialah: Sejarah Persekitaran Kawasan Sekolah dan Sejarah Kawasan Tempat Tinggal/ Kediaman. (KPM 2002a : 10) .

Dari segi penguasaan **kemahiran** pula, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh sukatan pelajaran itu merangkungi aspek-aspek penting yang harus dikuasai oleh pelajar ketika meneroka ruang-ruang ilmu dalam disiplin sejarah, ini termasuk Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif; Kemahiran berkomunikasi, Penggunaan teknologi; Bekerja dengan orang lain dalam kumpulan; Mengurus, memilih dan menganalisis maklumat; Menggunakan idea dan teknik Matematik ; Kemahiran memahami budaya dan sebagainya. Manakala guru Sejarah pula disarankan agar mementingkan pengamalan konsep kemahiran-kemahiran seperti “Kesepaduan pengetahuan, nilai dan kemahiran ; Pemahaman idea dan konsep atau istilah Sejarah ; Pemupukan nilai dan sikap patriotik ; Peningkatan kemahiran belajar dan minat ; Penggunaan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran” dan sebagainya ketika menjalankan proses Pengajaran dan Pembelajaran. Memandangkan pengamalan konsep kemahiran-kemahiran ini akan membawa manfaat yang besar kepada pelajar, maka kami bercadang agar pengamalan kemahiran-kemahiran tersebut dikekalkan dalam penggubalan sukatan pelajaran baru.

Berkenaan **kaedah dan teknik** yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah dijalankan, kaedah-kaedah seperti syarahan, simulasi, kajian kes, eksperimen, sumbangsaran, perbincangan, perbahasan, projek, main peranan, lakonan, bercerita, membuat lawatan, penyelidikan, tunjuk cara, penggunaan sumber, kerja luar, latih tubi, melakar peta minda, kajian gambar dan peta, membina Garis Masa dan skrap dan sebagainya disaran agar dilaksanakan selalu. Hampir kesemua kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan tersebut berorientasikan atau berpusat kepada pelajar dan ini amat perlu digalakkan supaya Sejarah ini tidak lagi dianggap sebagai subjek yang bosan dan jemu. Namun, apa yang dipersoalkan adalah betapa kerapnya tenaga pendidik kita menjalankan kaedah-kaedah seperti yang disarankan itu ?

Nampaknya masih ramai guru suka menggunakan kaedah berpusat kepada guru untuk menyampaikan isi kandungan Sejarah di dalam kelas, ini kerana cara tersebut lebih senang dikendalikan dan menjimatkan masa juga. Maka, satu cabaran utama bagi kita adalah memastikan bahawa segala perancangan yang baik itu dapat dilaksanakan oleh tenaga pendidik, lantaran itu kami bercadang agar latihan dan pemantauan yang berkesan harus kerap dijalankan supaya guru dapat menguasai dan sentiasa bersedia mengamalkan kaedah dan teknik yang dicadangkan itu. Guru sentiasa mengatur kaedah dan teknik

yang sesuai dalam waktu Sejarah dapat menarik minat dan membangkitkan motivasi pelajar terhadap pelajaran Sejarah sekaligus dapat meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar tentang disiplin Sejarah.

Kita juga perlu memberi pujian kepada buku teks sejarah (khususnya di peringkat menengah rendah) yang ditulis itu berada dalam **bentuk yang agak mudah, ringkas**, diiringi dengan bahasa yang senang difahami dan disertakan dengan gambar-gambar sejarah yang menarik serta aktiviti-aktiviti susulan atau tambahan yang merangsang disertakan. Selain itu, alamat laman web ditawarkan di setiap bab agar pelajar dapat mencari maklumat tambahan melalui internet. Yang paling penting di sini adalah aktiviti-aktiviti pembelajaran itu tidak menumpu ke atas penghafalan sesuatu fakta atau nama tokoh atau tarikh sesuatu peristiwa Sejarah, sebaliknya pendekatan pengajaran dan pembelajaran Sejarah itu menjurus kepada pemupukan kemahiran berfikir, kesepaduan unsur pengetahuan, peningkatan daya intelek, pemupukan nilai-nilai murni²⁶ dan perkembangan kemahiran belajar seperti menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional. Kelebihan-kelebihan yang ditunjukkan oleh buku teks ini patut dipuji dan dikekalkan.

Namun, pendidikan yang **terlalu berasaskan peperiksaan** yang ada kini telah menafikan kesemua usaha dan cadangan yang bermanfaat tersebut. Pembelajaran untuk mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan telah memesongkan daripada matlamat sebenar pendidikan. Kerajaan bercadang agar subjek Sejarah wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memperoleh sijil sebenarnya bercanggah dengan matlamat pendidikan Sejarah yang mementingkan pertumbuhan intelek, rohani dan emosi pelajar yang seimbang. Dengan adanya tekanan daripada peperiksaan, segala perancangan yang baik untuk proses pengajaran dan pembelajaran terpaksa memberi laluan kepada cara penyampaian pengajaran yang berpusat kepada guru melalui teknik *'talk and chalk'*, serta banyak membuat *'kertas soalan ulangkaji'* yang dianggap lebih mudah menuju pencapaian keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan sedangkan

²⁶ Sebenarnya sukatan pelajaran telah menyatakan dengan jelas bahawa pembelajaran Sejarah tidak harus berlandaskan penghafalan sesuatu fakta, nama tokoh, tarikh dan tempat sejarah, namun disebabkan masalah penyampaian oleh guru dan corak iystem penilaian, sesetengah pelajar masih berpegang kepada konsep penghafalan semata-matanya. Selain itu, walaupun tidak salah kita menyampaikan sesetengah nilai murni ketika pengajaran subjek Sejarah tetapi kita perlu memastikan bahawa subjek Sejarah tepat mematuhi prinsip asas disiplin Sejarah, jangan sehingga mengambil alih peranan Pendidikan Moral.

kaedah pembelajaran tersebut tidak begitu membawa manfaat kepada pelajar dari segi perkembangan intelek dan permikiran.

Maka, sebelum mengimplementasikan syarat kelulusan wajib bagi subjek Sejarah di peringkat SPM, kami berharap kerajaan membuat kajian yang lebih teliti, terperinci dan menyeluruh serta mengambil pandangan semua pihak termasuk tenaga pendidik, para akademik, pertubuhan pendidikan dan NGO agar tidak terburu-buru mengimplementasikan sesuatu yang bercanggah dengan matlamat pendidikan Sejarah itu. Isu pendidikan Sejarah ini merupakan isu pendidikan dan sebarang keputusan yang dibuat itu harus berlandaskan pertimbangan dari sudut pendidikan dan tidak patut dipengaruhi oleh kepentingan politik semasa.

Sebenarnya, subjek Sejarah telah dijadikan subjek teras yang wajib diambil oleh pelajar sekolah menengah menunjukkan kerajaan amat mementingkan subjek ini. Yang menjadi pokok masalah ialah pihak sekolah kurang mengambil berat tentang subjek ini dan pelajar pula kurang berminat terhadapnya. Tindakan kerajaan mewajibkan syarat kelulusan untuk subjek ini akan meningkatkan kebencian pelajar terhadap subjek Sejarah dan ini bercanggah dengan matlamat kerajaan yang ingin memupuk pelajar kita mengenali sejarah negara. Maka, apa yang paling perlu dilaksanakan oleh kerajaan adalah menarik minat pelajar terhadap subjek Sejarah agar pelajar bersedia mendalami dan menghayati ilmu sejarah yang sebenar. Desakan melalui cara kelulusan wajib dalam peperiksaan awam adalah bercanggah dengan reformasi atau transformasi pendidikan negara yang mengutamakan kelahiran insan yang seimbang dari pelbagai segi dan ini tidak mungkin dicapai melalui pendidikan yang terlalu berorientasikan peperiksaan. Lantaran itu, peningkatan keberkesanan pendidikan Sejarah perlu dilakukan melalui tindakan penambahbaikan dari semua aspek termasuk dari segi kurikulum sukatan pelajaran, kemahiran dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, alat bantuan dan kemudahan pembelajaran, latihan perguruan dan sebagainya. Ini dapat memupuk minat dan kesedaran pelajar kita tentang kepentingan menguasai ilmu Sejarah.

KESIMPULAN

Pendidikan Sejarah tidak lari dari parameter pendidikan yang berperanan untuk mendidik anak-anak agar menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang intelektual atau profesion, pemikiran, interaksi, kekuatan mental dan berkeupayaan untuk menghadapi cabaran-cabaran pada dunia yang semakin kompetitif. Ini menjadi tanggungjawab moral kita untuk mendidik generasi muda kita supaya berkeupayaan berfikir secara terbuka, kreatif dan kritis untuk menghadapi persaingan global. Lantaran itu, kita perlu memikul tanggungjawab untuk memastikan sukatan pelajaran dan buku-buku teks Sejarah ditawarkan kepada generasi baru itu memiliki ciri-ciri seperti mengandungi fakta yang tepat, tafsiran yang objektif, skop isi kandungan yang luas, menyeluruh dan tidak tersimpang dari situasi sebenar masyarakat majmuk kita.

Malangnya, buku teks Sejarah yang sedia ada ini banyak memaparkan kelemahan-kelemahan tersebut, antaranya skop isi kandungan terlalu sempit, tidak seimbang dari segi sejarah dunia dan tempatan, tamadun Islam dengan tamadun-tamadun lain dan sejarah peribumi dengan bukan peribumi; serta pengemukaan fakta sejarah yang menimbulkan pertikaian, pentafsiran yang bias dan penggunaan istilah yang emosi. Maka, kami berpendapat isi kandungan sukatan pelajaran dan buku teks Sejarah mesti disemak, dibetulkan atau digubal semula agar lebih sesuai dengan keadaan masyarakat yang majmuk. Dalam penggubalan sukatan pelajaran dan buku teks Sejarah baru ini, kami berpendapat semangat yang terkandung dalamnya mesti berubah, iaitu daripada hanya berlandaskan tempatan kepada luaran, dan daripada yang mementingkan semangat tamadun Melayu kepada semangat berlandaskan masyarakat majmuk.

Dengan kata lain, sukatan pelajaran dan buku teks Sejarah baru kita harus memiliki semangat yang mengutamakan kepelbagaian, termasuk isi kandungan dan aktiviti pembelajaran agar dapat melahirkan generasi baru yang berfikiran terbuka, kreatif dan tahu mengamalkan sikap toleransi dalam masyarakat majmuk. Dengan mengutamakan semangat ketulusan terhadap fakta sejarah dan keobjektifan terhadap pentafsiran, generasi muda tidak mudah terpengaruh oleh pengetahuan sejarah yang terpesong. Manakala, buku teks sejarah yang mengutamakan skop isi kandungan yang luas seperti pendedahan pelajar kepada sejarah dunia akan dapat melahirkan generasi baru yang

berpandangan luas dan lebih berkemampuan bersaing di antarabangsa. Selain itu, dari segi pelaksanaannya, jangan pula kita menggunakan cara paksaan iaitu mewajibkan kelulusan subjek Sejarah dalam peperiksaan SPM untuk mendesak generasi muda kita mempelajari subjek Sejarah, kerana ini bukan sahaja tidak dapat menarik minat pelajar terhadap subjek ini, malah bercanggah dengan matlamat pendidikan Sejarah negara kita.

Kami bercadang agar lebih banyak pihak dijemput ketika menggubal semula sukatan pelajaran dan buku teks ini. Dengan adanya kerjasama para akademik yang terdiri daripada pelbagai golongan dan pandangan, maka buku teks Sejarah yang dihasilkan lebih terjamin kualitinya. Begitu juga pandangan dan cadangan daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) pelbagai kaum harus diambil berat dan diberi pertimbangan yang sesuai. Kami juga bercadang agar bentuk penulisan tradisi yang berlandaskan sempadan negara atau kedudukan geografi perlu diubahsuai, ini diganti dengan penulisan bertunjangkan sejarah berlandaskan sosial budaya masyarakat majmuk negara kita dan diiringi dengan sejarah perkembangan tamadun dunia yang lebih lengkap. Usaha sebegini akan dapat membantu generasi muda kita memahami sejarah tempatan pada masa yang sama menguasai nadi perubahan tamadun dunia dan sejarah perkembangan terbaru antarabangsa. Seandainya kerajaan sanggup dan berani berubah, maka pendidikan Sejarah kita akan dapat membawa manfaat kepada pembangunan negara dan tamadun manusia umumnya pada jangka masa panjang. Akhir kata, sudah sampai masanya kita berganding bahu dan mencurahkan tenaga untuk menghasilkan sukatan pelajaran dan buku teks baru yang dapat membayangkan situasi masyarakat majmuk di samping tidak bercanggah dengan kehendak semua kaum serta berkeupayaan menghadapi cabaran global pada abad ke 21 ini.

RUJUKAN

- Ahmad Fawzi Mohd.Basri. et al. 2002. *Sejarah Tingkatan 1 (Buku Teks)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chai, Hon-Chan. 1977. *Education and Nation-building in West Malaysia Eperience*, Canberra: The Australian National University.
- Cheong Yuen Keong. 2010. “Perbincangan Tentang Buku Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan” dalam Dong Zong. *Journal of Malasia Chinese Education, Terbitan 10*. Kajang: United Chinese School Commitees’ Association of Malasia. Hlm. 5-16.
- CMCS & Nanda. 2011. *Perbincangan Tentang Sukatan Pelajaran dan Buku Teks Sejarah Menengah Kebangsaan (Research Papers Series No.5)*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysia Chinese Studies & Nanyang University Alumni Association of Malaya.
- DBP. 1969. *Sejarah Menengah Malaysia, Tingkatan Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP. 1970a. *Sejarah Menengah Malaysia, Tingkatan Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP. 1970b. *Sejarah Menengah Malaysia, Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP. 1970c. *Sejarah Menengah Malaysia, Tingkatan Lima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP. 1971. *Sejarah Menengah Malaysia, Tingkatan Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Helen Ting. 2009. “Malaysian History Textbooks and the Discourse of *Ketuanan Melayu*” in *Race and Multiculturalism in Malaysia and Singapore*, (eds) Daniel Goh, Philip Holden, Matilda Gabrielpillai & Khoo Gaik Cheng, London & New York: Routledge, 36-52.
- KPM. 1966. *Sukatan Pelajaran Menengah - Sejarah* Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- KPM. 2000 *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah -Sejarah*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- KPM. 2001. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Sejarah Tingkatan*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- KPM. 2002a. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*.

Sejarah Tingkatan 1, 2 dan 3. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

KPM. 2002b. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Sejarah Tingkatan 3*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

KPM. 2002c. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Sejarah Tingkatan 4*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

KPM. 2002d. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Sejarah Tingkatan 5*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

M.Thambirajah. 1977. *Malaysia Dalam Sejarah 1*. Petaling Jaya: Federal Publication.

M.Thambirajah. 1978. *Malaysia Dalam Sejarah 2*. Petaling Jaya: Federal Publication.

M.Thambirajah. 1979. *Malaysia Dalam Sejarah 3*. Petaling Jaya: Federal Publication.

Masariah Mispari. et al. 2003. *Sejarah, Tingkatan 2 (Buku Teks)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Hassan Shuhami Abdul Rahman. et al.,2002. *Sejarah, Tingkatan 4 (Buku Teks)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Zamani Abd. Hamid. 2007 . “ Rumusan Seminar Sejarah: Pembinaan Perpaduan Nasional.(Nota Berbentuk Slaid)”. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM.

Norrizan Seman. 2003. “Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia (1874-2002),”Thesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2004. *Panduan Pengaplikasian Kaedah Terpilih Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ramlah Adam. et al. 2003. *Sejarah Tingkatan 5 (Buku Teks)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramlah Adam. et al. 2004. *Sejarah Tingkatan 3 (Buku Teks)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wang Lee Lan. 2010. “Penelitian Tentang Perkembangan Pendidikan Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia” dalam Dong Zong. *Journal of Malaysian Chinese Education, Terbitan 10*. Kajang: United Chinese School Commitees’ Association of Malasia. Hlm. 44-62.